

Hadis 40 berkenaan Keselamatan Jalan Raya

Riza Atiq Abdullah bin O.K Rahmat

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

Hadis 40 Berkenaan Keselamatan Jalan Raya

Riza Atiq Abdullah bin O.K. Rahmat

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

Diterbitkan oleh:
Masjid Bandar Seri Putera,
Lot 39343, Jalan Seri Putra 1/1,
Bandar Seri Putra, Bangi,
43000 Kajang, Selangor

Hak Cipta: Riza Atiq Abdullah bin O.K. Rahmat

Email: rizaatiq@ukm.edu.my

**Hadis 40 Berkenaan
Keselamatan Jalan Raya**

Teks © Riza Atiq Abdullah bin O.K. Rahmat, 2025
Grafik dan ilustrasi © Abdullah Al-Marawi 2025

ISBN: 978-629-95226-2-1

Edisi Asal: Pertama kali diterbitkan 2025

Catan kulit: Abdullah Al-Marawi

Dicetak oleh:
Perusahaan Tukang Buku KM,
8, Jalan Puteri 2A/6,
Bandar Puteri, Bangi,
43000 Kajang

Sinopsis

Buku "**Hadis 40 berkenaan Keselamatan Jalan Raya**" menghimpunkan 40 hadis pilihan yang berkaitan dengan aspek keselamatan, etika, dan tanggungjawab seorang Muslim di jalan raya. Dalam era moden yang menyaksikan peningkatan penggunaan jalan raya sebagai medium utama mobiliti, panduan berasaskan syariat ini amat relevan untuk mendidik masyarakat tentang adab dan amalan yang dianjurkan Islam ketika menggunakan jalan.

Buku ini mengupas hadis-hadis Rasulullah ﷺ yang memberikan panduan langsung dan tidak langsung kepada pengguna jalan raya. Ia mengaitkan ajaran Islam dengan isu-isu keselamatan seperti pentingnya bersabar di jalan raya, menghormati hak pengguna lain, mencegah kemudaratan, menjaga keselamatan diri dan orang lain, serta mematuhi peraturan lalu lintas sebagai sebahagian daripada tuntutan agama.

Ditulis dalam gaya bahasa yang mudah difahami, setiap hadis disertakan dengan penerangan, refleksi, dan aplikasi praktikal dalam kehidupan harian, khususnya ketika berada di jalan raya. Buku ini juga mengetengahkan kisah-kisah inspirasi yang boleh dijadikan teladan untuk memupuk kesedaran dan amalan yang baik.

"**Hadis 40 Berkenaan Keselamatan Jalan Raya**" bukan sahaja panduan untuk pengguna jalan raya Muslim, tetapi juga menjadi wadah dakwah untuk menyemai budaya keselamatan, tanggungjawab sosial, dan etika yang berteraskan Islam. Buku ini sesuai untuk semua peringkat umur dan bertujuan menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang lebih aman dan harmoni, bermula dari jalan raya.

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

Kandungan

Kemalangan tidak berbau	1
Bahagian 1 : Berkaitan dengan manusia	8
Hadis 1 : Takwa dan Doa	8
Hadis 2 : Doa hendak memulakan perjalanan	11
Hadis 3 : Doa naik kenderaan	13
Hadis 4 : Naungan	17
Hadis 5 : Doa dikabulkan	18
Hadis 6 : Solat di atas kenderaan	20
Hadis 7 : Membaca Quran	22
Hadis 8 : Memberi Salam	24
Hadis 9 : Membaca Bismillah bila lambat	25
Hadis 10: Memberi hak jalan	27
Hadis 11: Berdiri di tepi jalan	30
Hadis 12: Menolong orang	32
Hadis 13: Jangan bermusafir di waktu malam sendirian	34
Hadis 14: Setiap minuman yang memabukkan ialah haram	36
Hadis 15: Patuh kepada undang-undang dan peraturan	38
Hadis 16: Sabar dan berhati-hati	41
Hadis 17: Jaga kebersihan	43
Hadis 18: Mempercepat kenderaan	45
Hadis 19: Bertenang ketika berlaku kesesakan	47
Hadis 20: Bertenang jangan tergesa-gesa	50
Hadis 21: Lakukan Perjalanan untuk Tujuan yang Baik	54
Hadis 22: Berhenti jika mengantuk	57

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

Bahagian 2 Berkaitan dengan kenderaan	59
Hadis 23: Kenderaan yang baik	59
Hadis 24: Mendoakan kenderaan	61
Hadis 25: Kenderaan untuk sombong	63
Hadis 26: Kenderaan sial	66
Hadis 27: Punca Kejahatan	68
Hadis 28: Kenderaan perlukan penyelenggaraan dan berhenti jauh dari jalan	73
Hadis 29: Kenderaan bermasalah	75
Hadis 30: Larangan mengeji kenderaan	77
Bahagian 3 Berkaitan dengan jalan raya	82
Hadis 31: Membuang halangan dari jalan raya	82
Hadis 32: Memotong dahan pokok yang berjuntai ke jalan raya	85
Hadis 33: Menyingkirkan gangguan dari jalan adalah cabang iman	87
Hadis 34: Membuang menyingkirkan gangguan dari jalan raya menjauhkan dirinya dari api neraka	89
Hadis 35: Membuang menyingkirkan gangguan dari jalan raya menjauhkan dirinya dari api neraka	91
Hadis 36: Menolong orang naik kenderaan, menaikkan barang dan menyingkirkan objek bahaya dari jalan raya adalah sedekah	94

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

Hadis 37: Lebar jalan	96
Hadis 38: Jalan lebih lebar	99
Hadis 39: Angin Kencang	102
Hadis 40: Hujan	104

Kemalangan Tidak Berbau

Kemalangan jalan raya selalu sahaja berlaku yang mengakibatkan kerosakan, kecederaan bahkan kematian. Kerugian memang amat besar. Di peringkat individu ia menyebabkan kerugian kerana kenderaan yang rosak, cedera atau kematian ahli keluarga. Jumlah kerosakan ini jika ditinjau daripada peringkat nasional, ia melibatkan ribuan juta ringgit setahun ditambah kehilangan banyak nyawa dan ramai anak-anak yang menjadi yatim.

1. Kisah kemalangan pertama

Pada tahun 2007, sebuah bas telah mengalami kemalangan dan menyebabkan 20 orang meninggal dunia dan 9 cedera di Lebuh raya Utara-Selatan berhampiran Bukit Gantang. Kemudian dua orang dari yang cedera itu juga meninggal dunia. Daripada tanda-tanda di permukaan jalan raya, bahu jalan, pagar keselamatan dan juga tempat bas itu tersadai, menunjukkan bas itu mula melencong sedikit ke bahagian tepi jalan dan tiada tanda-tanda bekas brek di atas permukaan jalan dan rumput di tepi jalan pada peringkat awal. Tanda-tanda brek hanya dapat dilihat pada saat-saat akhir. Ini menunjukkan kemungkinan pemandu bas terlena dan terjaga di saat-saat akhir.

Pagar di tepi lebih raya didapati tidak dapat menahan bas daripada terkeluar dari lebuh raya. Tiang-tiangnya tercabut. Sepatutnya pagar itu mampu menahan kenderaan seperti bas dari pada terhumban ke dalam lembah, parit atau gaung di tepi lebuh raya. Mengikut jurutera yang mereka bentuk lebuh raya itu, pagar direka bersesuaian dengan

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

standard yang digunakan. Ini menunjukkan standard yang ada mungkin kurang sesuai dan perlu ditambah baik.

Pemerhatian kepada bas menunjukkan bumbung bas tercabut dan sebahagian kerusi juga tercabut lalu terhumban ke hadapan. Ramai penumpang dan pemandu bas juga terhumban ke hadapan lalu tercampak ke luar bas dan terlonggok di dalam lubang pengumpul air di tepi lebuh raya. Ini menunjukkan reka bentuk badan bas dan kerusi tidak cukup kuat walaupun ia telah direka bentuk bersesuaian dengan standard yang ada. Ini juga menunjukkan standard reka bentuk bas mungkin kurang sesuai dan perlu ditambah baik. Kemalangan ini diceritakan oleh Radin Omar Radin Sohadi dalam memoirnya dengan terperinci.

2. Kisah kemalangan kedua

Pada bulan Mei 2015, berita tersiar dalam semua media perdana berkenaan terkorbannya sepasang suami-isteri dan anak mereka di Lebuhraya DUKE ketika hendak pulang ke rumah. Peristiwa ini berlaku di waktu malam. Pasangan suami isteri ini sedang menaiki kereta Pajero tiba-tiba terlibat dengan kemalangan akibat ada orang-orang lain yang menggunakan lebuh raya itu sebagai tempat berlumba secara haram. Kemalangan ini dilaporkan oleh semua media perdana.

3. Kisah kemalangan ketiga

Pada 9 hari bulan April 2020, sekali lagi negara digemparkan dengan berita kemalangan yang disiarkan dalam semua media arus perdana. Pada satu malam sebuah lori tangki membawa asid hidroklorik dari Kuala Lumpur menuju Bentong. Apabila tiba di km 43 Lebuh Raya

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

Karak, lori ini hilang kawalan lalu terbabas dan melanggar tembok. Ia terbalik dan melintangi lebuh raya tersebut. Asid pekat yang dibawanya tumpah di permukaan jalan. Pemandu itu meninggal dunia di tempat kejadian. Walaupun tiada kenderaan lain yang terlibat dan tiada mangsa lain selain daripada pemandu lori itu, lebuh raya itu terpaksa ditutup sepenuhnya hampir 10 jam untuk membersihkan asid yang amat merbahaya itu.

Bagi siapa yang biasa melalui lebuh raya Karak, tentu tahu bahawa lebih raya ini dibina merentasi banjaran Titiwangsa yang berbukit-bukau. Oleh itu ia berliku-liku dan turun naik. Dalam keadaan jalan raya seperti ini, pemandu perlu memberikan lebih tumpuan, lebih berhati-hati dan tidak laju. Ia juga perlu memastikan keadaan brek kenderaannya dalam keadaan baik kerana jalan yang turun naik dengan curam memerlukan brek yang bagus. Contohnya, minyak brek yang sudah lama boleh meruap apabila brek selalu digunakan ketika menuruni bukit dan menyebabkan brek tidak berfungsi dengan baik. Bayangkan jika perkara ini berlaku kepada kereta kita ketika menuruni bukit di lebuh raya Karak.

4. Punca Kemalangan

Kemalangan jalan raya berlaku setiap hari. Daripada data yang dikumpulkan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), pada tahun 2000, sebanyak 250,429 kemalangan jalan raya telah dilaporkan. Pada tahun 2014, angka ini telah menjadi 476,196, hampir dua kali ganda. Kematian akibat kemalangan jalan raya pula lebih 6000 orang setahun. Kecederaan atau kematian bukan sahaja berlaku kepada pengguna kenderaan tetapi juga kepada

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

pejalan kaki. Sebab-sebab kemalangan ini boleh dibahagikan kepada tiga punca, iaitu:

- Pengguna jalan raya seperti kecuaiannya pemandu
- Jalan raya dan perabotnya
- Masalah kenderaan seperti kerosakan brek

Kemalangan jalan raya boleh dikurangkan jika ketiga-tiga punca ini diberi perhatian untuk memperbaiki keadaan.

4.1 Kemalangan jalan raya disebabkan pemandu

Pemandu memainkan peranan besar dalam keselamatan jalan raya. Pemandu yang cuai boleh membahayakan dirinya dan pengguna jalan raya yang lain. Demikian juga memandu yang terlelap. Kadang-kadang kemalangan boleh disebabkan oleh pemandu yang kurang berpengalaman. Misalnya apabila berlaku tayar tergelincir atau pecah, pemandu yang berpengalaman tahu apa yang patut dilakukan dan membawa kenderaannya ke arah yang selamat.

Pada 19 September 2021, media perdana menceritakan bahawa sepasang suami isteri bersama seorang anak mereka sedang menaiki sebuah kereta pacuan 4 roda dari Setiu ke Dungun melalui Lebuhraya Pantai Timur. Tiba-tiba sebuah kenderaan berbagai guna yang dipandu oleh seorang pelajar universiti awam terbabas dan merempuh kenderaan mereka. Si isteri meninggal di tempat kejadian manakala suami dan anak tidak cedera.

Ada juga pemandu yang menjadikan jalan raya sebagai tempat berlumba yang boleh menyebabkan kemalangan kepadanya dan pengguna lain. Ada pula yang cepat marah, tidak bersangka baik atau

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

ego yang tinggi. Pemandu seperti ini boleh membuat pertimbangan yang tidak betul yang boleh mengakibatkan kemalangan.

Banyaknya juga keadaan pemandu yang berhemah tiba-tiba terlibat dengan kemalangan disebabkan oleh pemandu lain yang mabuk, menggunakan dadah atau cuai.

4.2 Jalan raya dan perabotnya

Kita selalu mendengar terdapat tempat-tempat tertentu di jalan raya yang selalu terjadi kemalangan. Tempat ini dikatakan titik hitam. Kadang-kadang ia berupa selekoh tajam, persimpangan jalan, jalan mengecil atau terdapat lekukan yang menyebabkan air bertakung ketika hujan. Puncak bukit juga boleh menyebabkan kemalangan kerana pemandu dari satu arah tidak nampak kenderaan dari arah yang bertentangan.

Pada 19 Mac 2021 tersiar berita dalam akhbar-akhbar tempatan bahawa seorang pemandu lori terkorban di tempat kemalangan dan kelindannya cedera. Lori itu dalam perjalanan dari Kampung KandeK menghala ke tapak projek Stesen Jana Elektrik Sultan Ismail Petra. Apabila tiba di selekoh Jalan Dam Intek Renyok 3, lori itu tidak dapat dikawal lalu terbabas dan terbalik. Diberitakan selekoh itu berada di cerun dan berpasir.

Jalan raya yang tidak diselenggarakan dengan baik juga boleh menjadi punca kemalangan. Lubang dan permukaan jalan yang tidak rata boleh menyebabkan kenderaan terbabas terutama ketika hujan. Perabot dan hiasan jalan yang tidak diselenggarakan juga boleh menimbulkan masalah. Misalnya pokok tumbang, pagar yang rosak yang menyebabkan binatang besar melintas.

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

Ketiadaan tempat khas untuk menyeberang jalan dengan selamat selalu menjadi punca kemalangan jalan raya. Kita biasa mendengar kanak-kanak sekolah dilanggar di depan sekolah ketika melintas jalan. Kita juga biasa mendengar kenderaan berlanggar disebabkan mengelakkan orang yang sedang menyeberang. Ketiadaan tempat berjalan kaki juga menjadi punca kemalangan jalan raya kerana orang terpaksa berjalan di atas jalan raya yang dipenuhi oleh kenderaan bermotor.

Pagar-pagar keselamatan juga memainkan peranan terutama apabila ada kenderaan yang terbabas. Apabila pagar ini tidak direka bentuk dengan betul atau telah rosak, kenderaan yang terbabas boleh menyeberang ke arah yang bertentangan atau jatuh ke dalam gaung.

Tanda-tanda lalu lintas yang tidak dipasang dengan betul atau tidak cukup boleh menyebabkan keselamatan. Tanda berhenti di persimpangan, garis-garis di permukaan jalan raya, tanda-tanda peringatan bahawa, tanda selekoh tajam jika tidak dipasang secukupnya boleh menyebabkan kemalangan.

4.3 Masalah dengan kenderaan

Kenderaan juga amat penting dalam keselamatan jalan raya. Kegagalan brek merupakan masalah yang paling banyak menyebabkan kemalangan. Pada 21 Ogos 2013 sebuah bas yang sedang menuruni bukit dari Genting Highland menuju Kuala Lumpur telah mengalami masalah brek. Akibatnya bas itu meluncur dengan laju dan akhirnya terhumban ke dalam gaung lalu mengorbankan 37 nyawa. Kemalangan ini dilaporkan hampir semua media perdana.

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

Bermacam-macam masalah boleh timbul yang boleh menyebabkan kemalangan. Bunga tayar yang agak nipis boleh menyebabkan tergelincir. Tayar pecah pun boleh menyebabkan kenderaan tidak dapat dikawal. Ada kalanya pemandu kereta tidak menyedari lampu belakang tidak menyala. Pada waktu malam kenderaan yang datang dari belakang tidak sedar kewujudannya lalu melanggarnya. Kerosakan enjin juga boleh menyebabkan kemalangan. Bayangkan tiba-tiba enjin rosak di tengah-tengah lebih raya dan kereta tidak dapat bergerak. Dalam masa yang sama beberapa buah kenderaan yang bergerak laju datang dari belakang, tidak sempat berhenti atau mengelak, lalu melanggar kereta yang rosak itu.



Bahagian 1

Berkaitan dengan manusia

Hadis 1: Takwa dan Doa

وعن أبي هريرة رضي الله عنه أَنَّ رَجُلًا قَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، إِنِّي أُرِيدُ أَنْ أُسَافِرَ فَأَوْصِنِي ، قَالَ : عَلَيْكَ بِتَقْوَى اللَّهِ ، وَالتَّكْبِيرِ عَلَى كُلِّ شَرَفٍ ، فَلَمَّا أَنْ وَلَّى الرَّجُلُ ، قَالَ : اللَّهُمَّ اطْوِلْهُ الْأَرْضَ ، وَهَوِّنْ عَلَيْهِ السَّفَرَ .

Maknanya,

Dari Abu Hurairah ra, bahawasanya ada seorang lelaki berkata, “Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku hendak berjalan jauh. Maka berilah wasiat kepada ku”. Baginda bersabda, “Engkau hendaklah bertakwa kepada Allah dan bertakbir ketika menaiki di tempat yang tinggi”. Kemudian ketika orang itu ingin pergi, Baginda ﷺ berdoa untuknya, Ya Allah, dekatkanlah jarak yang jauh baginya, dan mudahkanlah perjalanannya.” (Riwayat Tirmizi sebagai hadis hasan)

Memastikan ketakwaan kepada Allah sebelum memulakan perjalanan

Rasulullah ﷺ telah berpesan supaya siapa juga yang hendak memulakan perjalanan supaya bertakwa kepada Allah. Dalam perjalanan banyak perkara yang boleh berlaku tanpa dijangka. Misalnya tiba-tiba brek rosak ketika menuruni bukit, tiba-tiba ada pemandu mabuk lalu memasuki Lorong laluan kita dari hadapan atau tiba-tiba pokok tumbang melintang jalan raya ataupun kita sebagai pemandu terlelap lalu terbabas. Perkara-perkara ini boleh menyebabkan kecederaan bahkan kematian. Oleh itu peringatan supaya bertakwa kepada Allah menyebabkan kita sentiasa berserah dan memohon perlindungan dari Allah.

Bertakbir ketika mendaki dan bertasbih ketika menurun

Menaiki bukit merupakan perkara biasa dalam perjalanan. Kadang-kadang kecerunan menaik itu tinggi sehingga kenderaan mengalami kesukaran untuk mendaki dan menyebabkan enjin panas. Dalam hadis ini kita dinasihatkan supaya bertakbir setiap kali mendaki bukit. Dalam hadis lain diriwayatkan,

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ كُنَّا إِذَا صَعَدْنَا كَبَّرْنَا
وَإِذَا نَزَلْنَا سَبَّحْنَا

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

Dari Jabir bin 'Abdullah ra berkata, "Apabila kami berjalan mendaki (naik), kami bertakbir dan apabila menuruni jalan kami bertasbih". (Sahih Bukhari)

Berdoa ketika hendak memulakan perjalanan

Perjalanan boleh menyukarkan dan boleh juga menjadi perkara yang menyenangkan serta menghiburkan. Kemalangan walaupun kecil boleh menjadi pengalaman yang buruk. Kesesakan jalan raya boleh menyebabkan perjalanan yang pendek menjadi sangat lama. Oleh itu kita perlu berdoa atau minta doa dari orang-orang yang bertakwa supaya perjalanan kita selamat dan mudah serta terasa dekat.



Bahagian 1

Berkaitan dengan manusia

Hadis 2: Doa memulakan memulakan perjalanan

عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا خَرَجَ مِنْ بَيْتِهِ قَالَ بِسْمِ اللَّهِ تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنْ أَنْ نَزَلَّ أَوْ نُضِلَّ أَوْ نُظْلَمَ أَوْ نُظْلَمَ أَوْ نَجْهَلَ أَوْ يُجْهَلَ عَلَيْنَا

Maknanya,

Dari Ummu Salamah, bahwa Nabi ﷺ apabila keluar dari rumahnya mengucapkan: "BISMILLAHI tawakkaltu 'ALALLAAH, ALLAAHUMMA INNAA NA'UUDZU BIKA MIN AN NAZILLA AU NADZHILLA AU NAZHLIMA AU NUZHLAMA AU NAJHALA, AU YUJHALA 'ALAINAA." (Dengan nama Allah aku bertawakal kepada Mu. Ya Allah, kami berlindung kepada Mu dari terpeleset atau tersesat, atau berlaku zalim atau dizalimi atau bersikap bodoh atau kami dibodohkan). (Tirmizi)

Dalam perjalanan, walaupun dekat, banyak perkara yang boleh berlaku. Kadang-kadang ada lubang yang menyebabkan kemalangan. Kadang-kadang ego kita tiba-tiba naik sehingga kita

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

menzalimi orang lain. Kadang-kadang ada juga pembuli yang suka membuli pengguna jalan raya yang lain. Ada ketikanya kita bersikap tidak waras bila berhadapan dengan pemandu-pemandu lain yang kurang sopan.

Pada 6 Mac 2020, Berita Harian melaporkan bahawa polis telah menahan suspek yang telah membuli pengguna jalan raya lain. Ia dikatakan telah memintas kereta lain lalu turun dari keretanya dan menumbuk kereta berkenaan. Ia juga telah meludahi tingkap kaca dan merosakkan cermin sisi kereta tersebut.

Pada 26 September 2018 pula Metro telah melaporkan bahawa seorang pekerja kilang telah menendang cermin sisi sebuah kereta, merampas telefon bimbit sepasang suami-isteri serta menarik rambut seorang perempuan dalam kereta itu. Kejadian ini berlaku di Teluk Kumbar, Pulau Pinang, pukul 12.30 tengah hari ketika keluarga dalam kereta itu hendak pergi ke sebuah pasar raya.



Bahagian 1

Berkaitan dengan manusia

Hadis 3: Doa naik kenderaan

أَنَّ ابْنَ عُمَرَ عَلَّمَهُمْ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا اسْتَوَى عَلَى بَعِيرِهِ خَارِجًا إِلَى سَفَرٍ كَبَّرَ ثَلَاثًا ثُمَّ قَالَ { سُبْحَانَ الَّذِي سَخَّرَ لَنَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِنِينَ وَإِنَّا إِلَى رَبِّنَا لَمُنْقَلِبُونَ }
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ فِي سَفَرِنَا هَذَا الْبِرَّ وَالتَّقْوَى وَمِنَ الْعَمَلِ مَا تَرْضَى اللَّهُمَّ هَوِّنْ عَلَيْنَا سَفَرَنَا هَذَا وَاطْوِ عَنَّا بُعْدَهُ اللَّهُمَّ أَنْتَ الصَّاحِبُ فِي السَّفَرِ وَالْخَلِيفَةُ فِي الْأَهْلِ اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ وَعَثَاءِ السَّفَرِ وَكَآبَةِ الْمَنْظَرِ وَسُوءِ الْمُنْقَلَبِ فِي الْمَالِ وَالْأَهْلِ وَإِذَا رَجَعَ قَالَهُنَّ وَزَادَ فِيهِنَّ أَيُّونَ تَائِبُونَ عَابِدُونَ لِرَبِّنَا حَامِدُونَ

Maksudnya,

Bahawa Ibnu Umar, telah mengajarkan kepada mereka, bahawasanya; Apabila Rasulullah ﷺ telah berada di atas kenderaan hendak pergi, maka terlebih dahulu ia bertakbir sebanyak tiga kali. Kemudian beliau membaca doa seperti berikut:

{ سُبْحَانَ الَّذِي سَخَّرَ لَنَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِنِينَ وَإِنَّا إِلَىٰ رَبِّنَا لَمُنْقَلِبُونَ } اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ فِي سَفَرِنَا هَذَا الْبِرَّ وَالتَّقْوَىٰ وَمِنَ الْعَمَلِ مَا تَرْضَىٰ اللَّهُمَّ هَوِّنْ عَلَيْنَا سَفَرَنَا هَذَا وَاطْوِ عَنَّا بُعْدَهُ اللَّهُمَّ أَنْتَ الصَّاحِبُ فِي السَّفَرِ وَالْخَلِيفَةُ فِي الْأَهْلِ اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُودُ بِكَ مِنْ وَعَثَائِ السَّفَرِ وَكَآبَةِ الْمَنْظَرِ وَسُوءِ الْمُنْقَلَبِ فِي الْمَالِ وَالْأَهْلِ

(Maha suci Tuhan yang memudahkan kenderaan ini untuk kami, sebelum ini kami tidak mampu menguasainya dan sesungguhnya kepada Tuhan kami Kembali. Ya Allah, sesungguhnya kami memohon kebaikan dan takwa dalam perjalanan ini, kami mohon perbuatan yang Engkau redai. Ya Allah, permudahkan perjalanan kami ini, dan dekatkanlah jaraknya bagi kami. Ya Allah, Engkaulah pendamping ku dalam perjalanan dan penjaga keluarga ku. Ya Allah, aku berlindung kepada Mu dari keletihan dalam perjalanan, pemandangan yang menyedihkan dan kepulangan yang buruk dalam harta dan keluarga)."

Dan jika beliau kembali pulang, beliau membaca doa itu sekali lagi dan beliau menambah,

أَيُّبُونَ تَائِبُونَ عَابِدُونَ لِرَبِّنَا حَامِدُونَ

“Kami kembali dengan bertaubat, tetap beribadah dan selalu memuji Tuhan kami” (Muslim)

Takbir apabila menaiki kenderaan

Rasulullah ﷺ telah menunjukkan apabila telah berada di atas kenderaan untuk melakukan perjalanan, kita perlu bertakbir tiga kali. Perbuatan ini akan mengingatkan kita bahawa yang maha besar adalah Allah manakala kenderaan, kita dan semua makhluk adalah sangat kecil di sisi Allah. Ini amat penting supaya kita tidak takabbur dan tetap tawaduk ketika berada di jalan raya.

Membaca doa

Selepas bertakbir sebanyak tiga kali, Rasulullah ﷺ telah menunjukkan supaya berdoa agar perjalanan menjadi mudah dan selamat, menjaga keluarga yang tinggal, berlingung dari keletihan dan pengalaman buruk. Insya Allah orang yang melakukan perjalanan, keluarga dan harta yang tinggal akan selamat dalam pemeliharaan Allah.

Bertaubat selepas kembali

Semasa dalam perjalanan kita tidak terlepas daripada melakukan dosa. Pemandangan yang haram, perbuatan yang menyalahi hukum syara, perasaan takabbur dan marah serta berbagai-bagai kesalahan yang zahir dan yang di dalam hati mungkin sahaja berlaku.

Bahagian 1

Berkaitan dengan manusia

Hadis 4: Naungan

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَبْلُغُ بِهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ فِي الْجَنَّةِ شَجْرَةً يَسِيرُ الرَّاِكِبُ فِي ظِلِّهَا مِائَةَ عَامٍ لَا يَقْطَعُهَا وَافْرَأُوا إِنَّ شَيْئَكُمْ { وَظِلٌّ مَمْدُودٌ }

Maksudnya,

Dari Abu Hurairah ra. Nabi ﷺ bersabda, "Dalam syurga terdapat sebatang pohon yang bilamana seorang yang berkenderaan berjalan di bawahnya selama seratus tahun, maka dia belum habis melalui bayangannya. Karena itu, bacalah jika kalian mahu iatu ayat,

وَظِلٌّ مَمْدُودٌ (Dan naungan pohon yang terbentang luas)".
(Alwaqi'ah: 30) (Bukhari)

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ فِي الْجَنَّةِ شَجْرَةً يَسِيرُ الرَّاِكِبُ فِي ظِلِّهَا مِائَةَ عَامٍ لَا يَقْطَعُهَا قَالَ مَعْمَرٌ وَأَخْبَرَنِي مُحَمَّدُ بْنُ

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

زِيَادٍ أَنَّهُ سَمِعَ أَبَا هُرَيْرَةَ يَقُولُهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَيَقُولُ أَبُو
هُرَيْرَةَ وَأَقْرَأُوا إِن شِئْتُمْ { وَظِلِّ مَمْدُودٍ }

Maksudnya,

Dari Anas bin Malik, Nabi ﷺ bersabda, "Di syurga ada pohon, yang jika seseorang menaiki kenderaan selama seratus tahun untuk mengelilinginya tidak akan selesai." Ma'mar berkata, dan telah mengakbarkan pada ku, Muhammad bin Ziyad, telah mendengar Abu Hurairah berkata, dari Nabi ﷺ dan Abu Hurairah berkata, dan bacalah jika kalian menghendaki, (وَظِلِّ مَمْدُودٍ) (Ahmad)

Membaca وَظِلِّ مَمْدُودٍ setiap kali menaiki kenderaan

Bacaan وَظِلِّ مَمْدُودٍ (Dan naungan pohon yang terbentang luas) disarankan oleh Rasulullah ﷺ setiap kali menaiki kenderaan. Pohon yang diceritakan dalam surah al-Waqi'ah ini adalah pohon syurga yang rendah. Syurga adalah tempat yang penuh dengan kenikmatan dan tempat yang paling selamat.

Bahagian 1

Berkaitan dengan manusia

Hadis 5: Doa dikabulkan

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثَلَاثُ
دَعَوَاتٍ مُسْتَجَابَاتٌ لَا شَكَّ فِيهِنَّ دَعْوَةُ الْمَظْلُومِ وَدَعْوَةُ الْمُسَافِرِ
وَدَعْوَةُ الْوَالِدِ عَلَى وَلَدِهِ

Maksudnya,

Dari Abu Hurairah ia berkata; Rasulullah ﷺ bersabda, "Ada tiga macam doa yang akan dikabulkan yang tidak ada keraguan padanya; doa orang yang dizalimi, doa orang musafir, dan doa ibu bapa atas anaknya."

Banyakkan berdoa ketika dalam perjalanan

Dalam perjalanan banyak yang boleh berlaku ke atas kita walaupun kita tidak salah dan memandu dengan betul. Seorang pemandu yang berhemah tiba-tiba bertembung dengan beberapa orang yang sedang berlumba di jalan raya atau dilanggar oleh sebuah lori besar yang terbabas. Hanya Allah yang boleh menyelamatkan kita. Disebabkan doa seorang yang dalam

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

perjalanan akan dikabulkan oleh Allah, maka banyakkannya berdoa untuk keselamatan bersama.



Bahagian 1

Berkaitan dengan manusia

Hadis 6: Solat di atas kenderaan

عَنْ ابْنِ عُمَرَ قَالَ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي فِي السَّفَرِ عَلَى رَاحِلَتِهِ حَيْثُ تَوَجَّهَتْ بِهِ يَوْمَئِذٍ إِيمَاءً صَلَاةَ اللَّيْلِ إِلَّا الْفَرَائِضَ وَيُوتِرُ عَلَى رَاحِلَتِهِ

Maksudnya,

Dari Ibnu 'Umar, ia berkata, "Jika Nabi ﷺ dalam perjalanan, maka beliau mengerjakan solat di atas tunggangannya ke mana saja haiwan itu menghadap, beliau mengerjakannya dengan isyarat, kecuali solat fardu. Dan beliau juga mengerjakan solat witir di atas kenderaannya." (Riwayat Bukhari)

عَنْ جَابِرٍ قَالَ كُنَّا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَبَعَثَنِي فِي حَاجَةٍ فَرَجَعْتُ وَهُوَ يُصَلِّي عَلَى رَاحِلَتِهِ وَوَجْهُهُ عَلَى غَيْرِ الْقِبْلَةِ فَسَلَّمْتُ عَلَيْهِ فَلَمْ يَرُدَّ عَلَيَّ فَلَمَّا انْصَرَفَ قَالَ إِنَّهُ لَمْ يَمْنَعْنِي أَنْ أَرُدَّ عَلَيْكَ إِلَّا أَنِّي كُنْتُ أُصَلِّي

Maksudnya,

Dari Jabir, dia berkata, "Dahulu kami bersama Nabi ﷺ, lalu beliau mengutus ku untuk suatu keperluan, lalu aku pulang, sedangkan beliau dalam keadaan solat di atas kenderaannya, dan wajahnya tidak menghadap kiblat, lalu aku mengucapkan salam kepadanya, namun beliau tidak membalas salam ku. Ketika beliau telah selesai solat maka beliau bersabda, 'Tidak ada yang menghalangi ku untuk menjawab salam mu melainkan karena aku sedang solat'." (Muslim)

Dalam perjalanan jauh seperti menaiki bas, kereta yang dipandu oleh orang lain atau dipandu secara automatik, kita mempunyai banyak masa. Masa ini sebaiknya dimanfaatkan dengan solat sunat sambil duduk di tempat duduk. Semoga dengan banyak bersolat, Allah menyelamatkan dan mempermudah perjalanan kita.



Bahagian 1

Berkaitan dengan manusia

Hadis 7: Membaca Qur'an

حَدَّثَنَا حَجَّاجُ بْنُ مِنْهَالٍ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ قَالَ أَخْبَرَنِي أَبُو إِيَّاسٍ
قَالَ سَمِعْتُ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ مَغْفَلٍ قَالَ رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ فَتْحِ مَكَّةَ وَهُوَ يَقْرَأُ عَلَى رَاحِلَتِهِ سُورَةَ الْفَتْحِ

Maksudnya,

Telah menceritakan kepada kami Hajjaj bin Minhal, telah menceritakan kepada kami Syu'bah ia berkata, "Telah mengkhabarkan kepada ku Abu Iyas, ia berkata; Aku mendengar Abdullah bin Mughaffal berkata, "Aku pernah melihat Rasulullah ﷺ pada hari fathu Makkah, dan saat itu, beliau sedang membaca surat Al fath di atas kenderaannya"" (Bukhari)

Membaca Qur'an mempunyai banyak kelebihan. Rasulullah ﷺ bersabda,

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَقُولُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ -
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- مَنْ قَرَأَ حَرْفًا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ فَلَهُ بِهِ حَسَنَةٌ

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

وَالْحَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا لَا أَقُولُ الْم حَرْفٌ وَلَكِنْ أَلِفٌ حَرْفٌ وَلاَمٌ
حَرْفٌ وَمِيمٌ حَرْفٌ .

Maksudnya,

Abdullah bin Mas'ud ra berkata: "Rasulullah ﷺ bersabda, "Siapa yang membaca satu huruf dari Al Quran maka baginya satu kebaikan dengan bacaan tersebut, satu kebaikan di lipat gandakan menjadi 10 kebaikan seumpamanya dan aku tidak mengatakan الم satu huruf akan tetapi Alif satu huruf, Laam satu huruf dan Miim satu huruf." (Tirmidzi)

Menaiki kenderaan dalam perjalanan yang jauh biasanya membosankan. Manfaatkanlah masa itu dengan membaca Quran. Jika memandu, bacalah yang dihafal. Jika orang lain memandu atau kenderaan dipandu secara automatik boleh baca daripada teks Quran.

Surah yang dibaca sebaiknya yang berkaitan dengan tujuan perjalanan kita. Dalam di atas Rasulullah ﷺ membaca surah yang berkaitan dengan pembukaan kota Mekah ketika ia bersama umat Islam hendak menawan bandar itu.

Bahagian 1

Berkaitan dengan manusia

Hadis 8: Memberi Salam

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ يُسَلِّمُ الرَّاَكِبُ عَلَى الْمَاشِي وَالْمَاشِي عَلَى الْقَاعِدِ وَالْقَلِيلُ عَلَى الْكَثِيرِ

Maksudnya,

Dari Abu Hurairah ra., dari Rasulullah ﷺ beliau bersabda, "Hendaknya orang yang berkenderaan memberi salam kepada yang berjalan, dan yang berjalan kepada yang duduk dan (rombongan) yang sedikit kepada (rombongan) yang banyak." (Riwayat Bukhari)

Menghormati pengguna jalan raya yang lain adalah antara kaedah pencegahan kemalangan yang amat berkesan. Dalam hadis ini Rasulullah ﷺ menghendaki pengguna kenderaan menghormati yang tidak berkenderaan dengan memberi salam. Jika kita membuat unjuran, ini bermakna pengguna kenderaan yang besar memberi penghormatan lebih awal dari yang kecil.

Bahagian 1

Berkaitan dengan manusia

Hadis 9: Membaca Bismillah bila lambat

حَدَّثَنَا وَهْبُ بْنُ بَقِيَّةَ عَنْ خَالِدِ يَعْنِي ابْنَ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ خَالِدِ يَعْنِي
الْحَدَّاءَ عَنْ أَبِي تَمِيمَةَ عَنْ أَبِي الْمَلِيحِ عَنْ رَجُلٍ قَالَ كُنْتُ رَدِيفَ
النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَعَنَزْتُ دَابَّةً فَقُلْتُ تَعَسَ الشَّيْطَانُ
فَقَالَ لَا تَقُلْ تَعَسَ الشَّيْطَانُ فَإِنَّكَ إِذَا قُلْتَ ذَلِكَ تَعَازَمَ حَتَّى يَكُونَ
مِثْلَ الْبَيْتِ وَيَقُولُ بِقُوَّتِي وَلَكِنْ قُلْ بِسْمِ اللَّهِ فَإِنَّكَ إِذَا قُلْتَ ذَلِكَ
تَصَاغَرَ حَتَّى يَكُونَ مِثْلَ الدُّبَابِ

Maksudnya,

Telah menceritakan kepada kami dari Wahab bin Baqiyyah dari Khalid bin Abdullah dari Khalid bin Al Hadzda dari Abu Tamim dari Abul Malih dari seorang laki-laki ia berkata, "Aku membonceng di belakang Nabi ﷺ, maka ketika haiwan tunggangan beliau lambat ketika berjalan, aku berkata, 'Celakalah syaitan ini'. beliau lalu bersabda: "Jangan engkau berkata, 'Celakalah syaitan ini', sebab jika engkau berkata seperti itu ia (syaitan) akan semakin besar hingga seperti rumah seraya berkata 'demi kekuatan ku'. Tetapi hendaklah engkau katakan

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

'bismillah (dengan menyebut nama Allah). Jika engkau ucapkan itu maka syaitan akan semakin kecil hingga seperti lalat.'" (Abu Daud)

Apabila kenderaan tidak dapat bergerak laju disebabkan masalah kenderaan itu sendiri atau disebabkan keadaan jalan raya seperti kesesakan, jangatlah berkata celaka atau marah-marah kerana ia akan menyebabkan syaitan bertambah besar dan akan menimbulkan berbagai-bagai masalah lagi. Antara masalah yang timbul ialah kemalangan akibat tidak sabar. Bahkan kadang-kadang menyebabkan pergaduhan berikutan kemalangan yang sangat kecil. Bila berhadapan dengan masalah kelambatan seperti ini, Rasulullah ﷺ menyarankan supaya membaca bismillah.



Bahagian 1

Berkaitan dengan manusia

Hadis 10: Memberi hak jalan

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِيَّاكُمْ وَالْجُلُوسَ عَلَى الطُّرُقَاتِ فَقَالُوا مَا لَنَا بِذَلِكَ إِنَّمَا هِيَ مَجَالِسُنَا نَتَحَدَّثُ فِيهَا قَالَ فَإِذَا أَبَيْتُمْ إِلَّا الْمَجَالِسَ فَأَعْطُوا الطَّرِيقَ حَقَّهَا قَالُوا وَمَا حَقُّ الطَّرِيقِ قَالَ غَضُّ الْبَصَرِ وَكَفُّ الْأَذَى وَرَدُّ السَّلَامِ وَأَمْرٌ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهْيٌ عَنِ الْمُنْكَرِ

Maksudnya,

Dari Abu Sa'id Al Khudriy ra. dari Nabi ﷺ bersabda, "Janganlah kalian duduk-duduk di pinggir jalan". Mereka bertanya: "Itu kebiasaan kami yang sudah biasa kami lakukan karena itu menjadi majlis tempat kami bersembang". Beliau bersabda: "Jika kalian tidak mahu meninggalkan majlis seperti itu maka tunaikanlah hak jalan tersebut". Mereka bertanya, "Apa hak jalan itu?" Beliau menjawab, "Menundukkan pandangan, menyingkirkan halangan, menjawab salam dan amar ma'ruf nahi munkar". (Bukhari, Muslim)

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

Duduk-duduk di tepi jalan boleh membahayakan diri dan membahayakan orang lain. Mata yang liar boleh menyebabkan orang lain tidak selesa manakala halangan boleh menyebabkan kemalangan. Halangan ini mungkin disebabkan ramainya orang yang duduk-duduk di tepi jalan sehingga boleh menyebabkan kemalangan kepada diri orang-orang yang duduk-duduk itu.

Pada hari ini duduk di tepi jalan jarang berlaku. Tetapi ketika hujan, biasa ramai orang yang berteduh di bawah pokok atau di bawah jambat. Pada 11 Januari 2019, 7 penunggang motosikal cedera dirempuh oleh sebuah kereta ketika berteduh di bawah jambatan di KM 5.2 Lebuhraya LinKedua, Johor. Peristiwa ini berlaku ketika hujan dan kereta tersebut terbabas kerana air hujan yang bertokong di permukaan jalan raya.

Pada 22 April 2018 dua buah kereta telah terbabas lalu melanggar 12 buah motosikal yang diletakkan di tepi lebuhraya Utara - Selatan di bawah jambat berhampiran persimpangan keluar ke Port Dickson. Kereta pertama dipercayai terbabas disebabkan air hujan bertakung di permukaan jalan yang menyebabkan kereta kedua juga terbabas. Akhirnya keduanya melanggar 12 buah motosikal itu. Seorang dilaporkan cedera dan dibawa ke hospital.

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya



Bahagian 1

Berkaitan dengan manusia

Hadis 11: Berdiri di tepi jalan

عَنْ أَنَسٍ أَنَّ امْرَأَةً كَانَتْ فِي عَقْلِهَا شَيْءٌ فَقَالَتْ يَا رَسُولَ
اللَّهِ إِنَّ لِي إِلَيْكَ حَاجَةً فَقَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَا أُمَّ
فُلَانٍ انظري أي السِّكِّكِ شِئْتِ حَتَّى أَقْضِيَ لَكَ
حَاجَتَكَ فَحَلَا مَعَهَا فِي بَعْضِ الطَّرِيقِ حَتَّى فَرَغَتْ مِنْ
حَاجَتِهَا

Maksudnya,

Dari Anas ra., Seorang perempuan yang mengalami masalah dalam akal nya berkata, “Wahai Rasulullah saya ada masalah”. Rasulullah ﷺ menjawab, “ Wahai ummu fulan (Ibu seorang anak), mari ke bahagian tepi jalan yang kamu suka dan aku akan tunaikan hajat mu”. Kemudian Rasulullah ﷺ bercakap dengannya secara peribadi di tepi jalan itu sehingga hajatnya tercapai. (Muslim)

Tanpa disedari bersembang atau berehat di jalan raya atau laluan selalu berlaku sehingga mengganggu orang yang lalu lalang. Jika jalan itu melibatkan kenderaan bermotor, bersembang atau bercerita di jalan raya boleh membahayakan.

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

Oleh itu Rasulullah ﷺ mengajak perempuan yang ingin bertanya kepadanya ke tepi jalan.

Jika ada keperluan untuk berbincang atau bercerita ketika berjumpa di jalan laluan, usahakan supaya berdiri sejauh yang boleh ke bahagian tepi jalan. Pada 14 Ogos 2019 tersiar di Astro Awani seorang pemandu Malaysia terlanggar 6 orang Siam di Songkhla yang menyebabkan 5 maut di tempat kejadian dan seorang lagi cedera. Keenam-enam orang itu merupakan pekerja pemotong rumput yang sedang berehat di tepi jalan. Pemandu kenderaan itu seorang wanita berusia 31 tahun yang datang melancung ke Thailand.



Bahagian 1

Berkaitan dengan manusia

Hadis 12: Menolong orang

عَنْ هَمَّامِ بْنِ مُنَبِّهٍ قَالَ هَذَا مَا حَدَّثَنَا أَبُو هُرَيْرَةَ عَنْ مُحَمَّدِ
رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَذَكَرَ أَحَادِيثَ مِنْهَا وَقَالَ رَسُولُ
اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كُلُّ سُلَامَى مِنْ النَّاسِ عَلَيْهِ صَدَقَةٌ كُلَّ
يَوْمٍ تَطْلُعُ فِيهِ الشَّمْسُ قَالَ تَعْدِلُ بَيْنَ الْإِنْتَيْنِ صَدَقَةٌ وَتُعِينُ الرَّجُلَ
فِي دَابَّتِهِ فَتَحْمِلُهُ عَلَيْهَا أَوْ تَرْفَعُ لَهُ عَلَيْهَا مَتَاعَهُ صَدَقَةٌ قَالَ
وَالْكَلِمَةُ الطَّيِّبَةُ صَدَقَةٌ وَكُلُّ خُطْوَةٍ تَمْشِيهَا إِلَى الصَّلَاةِ صَدَقَةٌ
وَتُمِيطُ الْأَدَى عَنِ الطَّرِيقِ صَدَقَةٌ

Maksudnya,

Dari Hammam bin Munabbih, ia berkata, ini adalah hadis yang telah diceritakan kepada kami oleh Abu Hurairah dari Muhammad ﷺ. Ia pun menyebutkan beberapa hadis, di antaranya adalah; Rasulullah ﷺ bersabda, "Setiap anggota tubuh manusia memiliki kemestian sedekah pada setiap hari, iaitu seperti mendamaikan dua orang yang berselisih, adalah sedekah. Menolong orang yang naik kenderaan atau menolong mengangkat barangnya ke atas kenderaan, itu pun termasuk

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

sedekah. Ucapan atau tutur kata yang baik, juga sedekah. Setiap langkah yang anda untuk menunaikan solat, juga sedekah. Dan menyingkirkan sesuatu yang membahayakan di jalan awam, adalah sedekah." (Muslim)

Menolong orang menaiki kenderaan atau menolong mengangkat barang ke atas kenderaan nampak perbuatan yang kecil tetapi ia amat bermakna bagi orang tua atau yang uzur. Ia menjadi lebih bermakna apabila melibatkan menyeberangi laluan kenderaan sama ada di jalan raya atau laluan di kawasan letak kenderaan di pusat membeli belah.

Peristiwa pejalan kaki dilanggar ketika menyeberang jalan raya merupakan salah satu punca utama kemalangan jalan raya. Harian Metro telah melaporkan berita pada 13 September 2021 seorang lelaki telah dilanggar oleh sebuah motosikal ketika menyeberang jalan di Batu Pahat. Akibat kemalangan itu orang yang dilanggar telah menghembuskan nafasnya yang terakhir di tempat kejadian manakala penunggang motosikal itu mengalami cedera parah.

Di kawasan tempat letak kereta perumahan awam juga telah berlaku kemalangan kereta terlanggar seorang yang sedang berjalan kaki pada 3 Jun 2021. Kejadian ini telah dilaporkan oleh Berita MediaCorp pada 4 Jun 2021. Orang yang terlanggar itu mengalami kecederaan tulang belakang dan lutut.

Bahagian 1

Berkaitan dengan manusia

Hadis 13: Jangan bermusafir di waktu malam sendirian

عَنْ ابْنِ عُمَرَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَوْ يَعْلَمُ النَّاسُ مَا فِي الْوَحْدَةِ مَا أَعْلَمُ مَا سَارَ رَاكِبٌ بِلَيْلٍ وَحْدَهُ

Maksudnya,

Dari Ibnu 'Umar ra dari Nabi ﷺ bersabda, "Seandainya manusia mengetahui apa yang terdapat dalam musafir sendirian seperti apa yang aku ketahui, tentu seorang penunggang kenderaan tidak akan berjalan di malam hari sendirian". (Bukhari)

Perjalanan pada waktu malam boleh menimbulkan berbagai-bagai bahaya, terutamanya perjalanan jarak jauh, disebabkan kegelapan, mengantuk dan bahaya-bahaya lain yang tidak kita ketahui tetapi diketahui oleh Rasulullah ﷺ. Kegelapan telah membataskan jarak dan kelebaran pandangan yang menyebabkan pengguna kenderaan mempunyai masa yang lebih singkat untuk bertindak balas.

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

Pada 30 November 2020 telah disiarkan oleh akhbar Utusan mengenai kemalangan yang melibatkan 4 buah motosikal di Jalan Johor Bahru-Melaka Senggarang berhampiran Sungai Lurus. Kejadian itu berlaku lebih kurang pada pukul 9 malam. Dua orang telah maut di tempat kejadian manakala 3 orang lagi cedera.

Pada 8 September 2021, Malaysia Gazette pula melaporkan kemalangan yang melibatkan sebuah ambulan yang melanggar sebuah treler yang sedang membelok ke kanan. Peristiwa ini berlaku lebih kurang pukul 8:20 malam di Simpang Renggam. Akibat pelanggaran ini pemandu ambulan cedera parah dan seorang pesakit di dalam ambulan itu maut di tempat kejadian.



Bahagian 1

Berkaitan dengan manusia

Hadis 14: Setiap minuman yang memabukkan ialah haram

أَنَّ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ سُئِلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْبِتْعِ وَهُوَ نَبِيدُ الْعَسَلِ وَكَانَ أَهْلُ الْيَمَنِ يَشْرَبُونَهُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كُلُّ شَرَابٍ أَسْكَرَ فَهُوَ حَرَامٌ

Maksudnya,

Bahwa Aisyah ra. berkata, "Rasulullah ﷺ pernah ditanya tentang bit'i (minuman keras) yang terbuat dari perahan madu dan sebagai minuman yang banyak diminum oleh penduduk Yaman, maka Rasulullah ﷺ menjawab, "Setiap minuman yang memabukkan hukumnya haram." (Bukhari)

Dalam Riwayat yang lain,

عَنْ أَبِي مُوسَى قَالَ بَعَثَنِي النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَا وَمُعَاذُ بْنُ جَبَلٍ إِلَى الْيَمَنِ فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ شَرَابًا يُصْنَعُ بِأَرْضِنَا

يُقَالُ لَهُ الْمِزْرُ مِنَ الشَّعِيرِ وَشَرَابٌ يُقَالُ لَهُ الْبَيْعُ مِنَ الْعَسَلِ فَقَالَ
كُلُّ مُسْكِرٍ حَرَامٌ

Maksudnya,

Dari Abu Musa, dia berkata, "Nabi ﷺ mengutus ku bersama Mu'adz bin Jabal ke Negeri Yaman, lalu saya berkata, "Wahai Rasulullah, bagaimana dengan minuman yang dibuat di negeri kami yang biasa disebut dengan miizr dari (perahan) gandum dan minuman yang biasa disebut dengan bit'u (yang dibuat) dari madu?" Beliau menjawab: "Setiap minuman yang memabukkan adalah haram." (Muslim)

Banyak kemalangan jalan raya yang disebabkan oleh pemandu mabuk. Pada 9 Julai 2019, Berita Harian melaporkan kemalangan maut yang melibatkan pemandu mabuk. Saidi Dolah yang berusia 52 tahun sedang melakukan kawalan trafik di Persiaran Damansara, Sri Damansara pada waktu malam. Tiba-tiba ia dilanggar oleh sebuah kereta dan ia meninggal dunia di tempat kejadian. Pemandu kereta itu ialah seorang Wanita berusia 42 tahun dan ujian pernafasan menunjukkan kandungan alkohol dalam badannya melebihi tahap yang dibenarkan.

Astro Awani pula telah melaporkan pada 7 Jun 2020, dalam masa tempoh 5 bulan pertama tahun 2020, sebanyak 67 kemalangan yang melibatkan kematian akibat pemandu mabuk telah direkodkan di Selangor.

Bahagian 1

Berkaitan dengan manusia

Hadis 15: Patuh kepada undang-undang dan peraturan

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
ح وَحَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ صَبَّاحٍ حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ زَكَرِيَاءَ عَنْ
عُبَيْدِ اللَّهِ عَنْ نَافِعٍ عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ حَقٌّ مَا لَمْ يُؤْمَرْ
بِالْمَعْصِيَةِ فَإِذَا أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ

Maksudnya,

Dari Ibnu 'Umar ra dari Nabi ﷺ bersabda, "Mendengar dan taat adalah haq (kewajiban) selama tidak diperintah berbuat maksiat. Apabila diperintah berbuat maksiat maka tidak ada (kewajiban) untuk mendengar dan taat". (Bukhari)

Dalam riwayat yang lain Rasulullah ﷺ bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَيْكَ السَّمْعَ وَالطَّاعَةَ فِي عُسْرِكَ وَيُسْرِكَ وَمَنْشَطِكَ وَمَكْرَهِكَ وَأَثَرَةٍ عَلَيْكَ

Maksudnya,

Dari Abu Hurairah dia berkata, "Rasulullah ﷺ bersabda, "Wajib bagi kalian untuk mendengar dan taat baik dalam keadaan susah mahupun senang, dalam perkara yang disukai dan dibenci dan biarpun merugikan kepentingan mu." (Muslim)

Kata kunci dalam kedua-dua hadis ini ialah taat selagi tidak disuruh maksiat sama ada dalam keadaan senang, susah, suka, benci dan bahkan bertentangan dengan kepentingan diri. Undang-undang dan peraturan-peraturan di jalan raya merupakan antara arahan-arahan dari pemimpin yang perlu ditaati. Melanggar peraturan jalan raya boleh menyebabkan kemalangan yang membawa maut. Pada 3 Jun 2019, Astro Awani telah melaporkan bahawa Mufti Wilayah persekutuan telah mengeluarkan hukum yang mentaati peraturan-peraturan jalan raya adalah wajib. Maknanya siapa yang taat akan dapat pahala dan siapa yang ingkar dapat dosa.

Pada 21 Ogos tahun 2013 sebuah bas dalam perjalanan dari Genting Highland ke Kuala Lumpur telah terhumban ke dalam gaung dan menyebabkan 37 penumpangnya maut. Pada 3 November 2013, Astro Awani telah melaporkan bahawa MIROS telah mengeluarkan laporan mengenai kemalangan itu. Sebab-

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

sebab kemalangan terdiri dari beberapa faktor di antaranya ialah dipandu laju melebihi had laju 50km/j.

Utusan Borneo pula melaporkan pada 26 Januari 2019 tiga buah kereta telah mengalami kemalangan di Tawau disebabkan dipandu melebihi had laju. Ketiga-tiga kereta bergerak ke arah yang sama, tiba-tiba salah sebuah kereta hilang kawalan yang menyebabkan ketiga-tiganya terbabit dalam kemalangan itu. Walaupun tiada yang maut tetapi ia menyebabkan kecederaan dan kerosakan harta benda.

Pada 20 September 2021 Sinar Harian telah melaporkan seorang pegawai pemasaran telah memandu keretanya melawan arus di Lebuhraya Persekutuan. Akibat perbuatannya itu Muhammad Hafiz Syamir, 19 tahun dan Nur Afiqah 18 tahun, telah terkorban. Peristiwa ini terjadi pada 12 September 2021 pukul 1.50 pagi.



Bahagian 1

Berkaitan dengan manusia

Hadis 16: Sabar dan berhati-hati

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ قَالَ وَقَالَ نَبِيُّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
لَأَسْجَّ عَبْدُ الْقَيْسِ إِنَّ فِيكَ لَحَصْلَتَيْنِ يُحِبُّهُمَا اللَّهُ الْحِلْمُ وَالْأَنَاءَةُ

Maksudnya,

Dari Abi Said al-Khudri, ia berkata bahawa Nabi Allah ﷺ bersabda kepada Asyajj Abdul Qais, "Sesungguhnya pada dirimu terdapat dua sifat yang disukai Allah, iaitu sabar dan berhati-hati." (Muslim)

Sabar dan berhati-hati adalah sangat penting ketika memandu kenderaan. Berbagai-bagai keadaan boleh berlaku ketika di atas jalan raya. Ketika cuaca panas dan dalam masa yang sama berlaku kesesakan, ditambah pula ada kenderaan yang memintas dan menghimpit, kemarahan boleh berlaku dan kadang-kadang sehingga hilang pertimbangan. Kosmo melaporkan pada 19 Julai 2021, seorang pemandu teksi berang

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

gara-gara barisan dipotong lalu melanggar beberapa buah teksi lain di Lapangan Terbang Kota Kinabalu.

mStar pula melaporkan pada 10 Mac 2020, sebuah kereta di Lebih Raya Utara Selatan berhampiran Tol Plaza Sungai Besi telah dengan sengaja melanggar kon-kon yang diletakkan untuk kerja-kerja penyelenggaraan. Kerja-kerja penyelenggaraan ini telah menyebabkan kesesakan lalu lintas. Sebelum ini pemandu kereta berkenaan telah mendapat 9 saman yang berjumlah RM 1,240 atas berbagai-bagai-bagai kesalahan seperti memandu melebihi had laju dan memotong dari kiri.

Sikap yang sentiasa berhati-hati juga amat bermanfaat dari segi keselamatan jalan raya. Malang tidak berbau. Tiba-tiba ia boleh datang atas kehendak Allah. Pada 31 Oktober 2021, Metro melaporkan kemalangan yang amat menyedihkan. Dua orang Wanita sedang berjalan kaki di Jalan Tun Dr Awang di Bayan Lepas Pulau Pinang. Tiba-tiba sebuah motosikal terbabas. Mereka segera datang menolong. Tiba-tiba datang sebuah kereta merempuh mereka. Penunggang motosikal itu dan salah seorang dari Wanita itu menemui ajal mereka di tempat kejadian. Wanita yang seorang lagi cedera parah. Kereta yang merempuh mereka terbalik dan pemandunya cedera parah juga.

Bahagian 1

Berkaitan dengan manusia

Hadis 17: Jaga kebersihan

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ الشَّيْطَانَ حَسَّاسٌ لِحَاسٍ فَاخْذَرُوهُ عَلَى أَنْفُسِكُمْ مَنْ بَاتَ وَفِي يَدِهِ رِيحٌ غَمْرٍ فَأَصَابَهُ شَيْءٌ فَلَا يُلُومَنَّ إِلَّا نَفْسَهُ

Maksudnya,

Dari Abu Hurairah, ia berkata, "Rasulullah ﷺ bersabda, "Sesungguhnya syaitan itu adalah perasa dan penjilat, oleh itu berhati-hati dan jagalah diri kalian darinya. Siapa yang di tangannya masih terdapat bau lemak daging, lalu ia tertimpa suatu musibah, maka janganlah ia mencela siapa pun kecuali kepada dirinya sendirinya." (Hadis hasan Riwayat Tirmizi)

Hadis ini menerangkan bahawa syaitan suka merasa dan menjilat. Oleh itu tangan yang masih ada bau makanan akan berhadapan risiko dirasa dan dijilat syaitan. Jika tangan ini memegang stearin kereta yang bergerak laju, ia boleh mengakibatkan kemalangan. Pada 10 September 2021 Utusan Malaysia melaporkan berasaskan kajian MIROS, lebih kurang

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

60% kemalangan jalan raya yang melibatkan kematian merupakan penunggang motosikal. 66% daripada kemalangan ini berlaku di jalan yang lurus. Tiada selekoh merbahaya dan tiada perlindungan penglihatan. Maknanya kemalangan boleh berlaku tanpa sebab yang jelas. Tiba-tiba sahaja berlaku.

Kita biasa mendengar kemalangan yang diceritakan oleh orang yang terlibat yang menyatakan sebab-sebab yang tidak masuk akal. Di antaranya ialah tiba-tiba muncul lembaga hitam, penglihatan tiba-tiba hilang dan berbagai-bagai lagi cerita yang tidak masuk akal. Orang yang mendengar cerita seperti ini memang merasa tidak masuk akal tetapi yang terlibat dengan kemalangan itu bercerita dengan yakin.



Bahagian 1

Berkaitan dengan manusia

Hadis 18: Mempercepat kenderaan

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا
قَدِمَ مِنْ سَفَرٍ فَتَنظَرَ إِلَى جُدْرَاتِ الْمَدِينَةِ أَوْضَعَ رَاجِلَتَهُ وَإِنْ كَانَ
عَلَى دَابَّةٍ حَرَّكَهَا مِنْ حُبِّهَا

Maksudnya,


Dari Anas ra, berkata, “Bahwa Nabi ﷺ apabila pulang dari bermusafir dan melihat dataran tinggi kota Madinah, beliau mempercepat jalan unta beliau dan bila menunggang haiwan lain beliau memacunya karena kecintaannya (kepada Madinah)”. (Bukhari)

Mempercepat kelajuan kenderaan bukan selalunya akan meninggikan risiko kemalangan. Rasulullah ﷺ memacu kenderaannya apabila menghampiri Madinah. Dalam konteks hari ini tiada apa salahnya mempercepat kelajuan kenderaan selagi masih di bawah had laju yang telah ditetapkan. Di lebuh raya, di antara punca kemalangan utama ialah perbezaan kelajuan, iaitu di antara kenderaan yang bergerak perlahan

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

dengan yang bergerak laju. Oleh itu beberapa negara maju seperti Jerman mewujudkan had laju rendah. Jika had laju rendah 80km/j dan kita memandu dengan kelajuan 70km/j, polis boleh menahan dan mengeluarkan denda. Di samping boleh menimbulkan kemalangan, kenderaan yang bergerak perlahan, terutama yang bergerak di lorong kanan dalam kes Malaysia, ia akan menyebabkan kesesakan dan menimbulkan kemarahan kepada memandu-pemandu lain.

Kemalangan akibat perbezaan kelajuan biasanya terlanggar dari belakang yang melibatkan kenderaan besar yang bergerak perlahan dan kenderaan yang lebih ringan. Pada 29 September 2021, Kosmo melaporkan sebuah lori 5 tan telah melanggar belakang sebuah treler di kilometer 42.2 Lebu Raya Utara Selatan Hubungan Tengah. Akibat pelanggaran itu pemandu lori telah tersepit dan maut di tempat kejadian. Utusan pula melaporkan pada 15 Mei 2021 sebuah kereta Audi telah gagal dikawal lalu melanggar belakang sebuah lori di Kilometer 179 Lebu Raya Utara Selatan berhampiran hentian rehat Alor Pongsu. Akibat kemalangan itu pemandu kereta telah meninggal dunia manakala rakannya dalam kereta itu cedera parah.



Bahagian 1

Berkaitan dengan manusia

Hadis 19: Bertenang ketika berlaku kesesakan

عَنْ عَلِيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَفَ بِعَرَفَةَ وَهُوَ مُرْدِفٌ أُسَامَةَ بْنَ زَيْدٍ فَقَالَ هَذَا مَوْقِفٌ وَكُلُّ عَرَفَةَ مَوْقِفٌ ثُمَّ دَفَعَ فَجَعَلَ يَسِيرُ الْعَنْقَ وَالنَّاسُ يَضْرِبُونَ يَمِينًا وَشِمَالًا وَهُوَ يَلْتَفِتُ وَيَقُولُ السَّكِينَةَ أَيُّهَا النَّاسُ السَّكِينَةَ أَيُّهَا النَّاسُ حَتَّى جَاءَ الْمُرْدِيفَةَ فَجَمَعَ بَيْنَ الصَّلَاتَيْنِ ثُمَّ وَقَفَ بِالْمُرْدِيفَةِ فَأَرْدَفَ الْفُضْلُ بْنُ عَبَّاسٍ ثُمَّ وَقَفَ عَلَى فُرْحٍ فَقَالَ هَذَا الْمَوْقِفُ وَكُلُّ الْمُرْدِيفَةَ مَوْقِفٌ ثُمَّ دَفَعَ فَجَعَلَ يَسِيرُ الْعَنْقَ وَالنَّاسُ يَضْرِبُونَ يَمِينًا وَشِمَالًا وَهُوَ يَلْتَفِتُ وَيَقُولُ السَّكِينَةَ أَيُّهَا النَّاسُ السَّكِينَةَ أَيُّهَا النَّاسُ فَلَمَّا وَقَفَ عَلَى مُحَسِّرٍ قَرَعَ رِجْلَتَهُ فَحَبَّبَتْ بِهِ حَتَّى حَرَجَتْ مِنَ الْوَادِي ثُمَّ سَارَ مَسِيرَتَهُ حَتَّى أَتَى الْجَمْرَةَ ثُمَّ دَخَلَ الْمَنْحَرَ فَقَالَ هَذَا الْمَنْحَرُ وَكُلُّ مِنَى مَنْحَرٌ

Maksudnya,

Dari Ali Bin Abu Thalib, bahwa Rasulullah ﷺ melaksanakan wuqf di Arafah dengan membonceng Usamah Bin Zaid, lalu beliau

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

bersabda: "Ini adalah tempat wuqf dan semua Arafah adalah tempat wuqf." Kemudian beliau bertolak dan berjalan secara perlahan sementara orang-orang berdesakan ke kanan dan ke kiri, maka beliau menoleh seraya berkata: "Tenanglah wahai manusia tenanglah wahai manusia." Sampai tiba di Muzdalifah, beliau menjama' dua solat, kemudian berdiam di Muzdalifah dan membonceng Al-Fadlal Bin Abbas, lalu beliau berdiri di Quzah seraya berkata: "Ini adalah tempat berhenti dan semua Muzdalifah adalah tempat berhenti." Kemudian beliau bertolak dan berjalan secara perlahan sementara orang-orang berdesakan ke kanan dan ke kiri, maka beliau menoleh dan bersabda, "Tenanglah wahai orang-orang tenanglah wahai orang-orang." Maka ketika berhenti di lembah Muhassir beliau menarik kekang untanya dan untanya menurut sampai keluar dari lembah, kemudian beliau melanjutkan perjalanannya sampai tiba di Jamarat (tempat melempar), lalu beliau mendatangi Al-Manhar (tempat penyembelihan haiwan) dan beliau bersabda, "Ini adalah manhar dan semua Mina adalah manhar." (Ahmad)

Siapa yang pernah menunaikan haji mesti dapat merasakan kesesakan yang berlaku di Arafah, Muzdalifah dan Mina. Kenderaan berasak-asak sehingga kadang-kadang bergesel. Yang paling menyedihkan kadang-kadang pejalan kaki tercedera akibat pemandu yang tidak sabar. Dalam hadis ini Rasulullah ﷺ memerintahkan dalam keadaan kesesakan lalu lintas itu supaya bertenang, jangan menghimpit ke kiri ke kanan dan supaya

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

bergerak perlahan-lahan. Bergerak dengan laju dalam keadaan sesak sudah pasti akan menyebabkan kemalangan.

Pada 22 Februari 2018, mStar melaporkan JICA (Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun) sedang membuat kajian berkenaan kesesakan lalu lintas dan kemalangan yang disebabkan. Dalam kajian awalnya, kesesakan berlaku biasanya di persimpangan jalan akibat percampuran lalu lintas dari berbagai arah dan percampuran lalu lintas kenderaan bermotor dengan pejalan kaki. Kesesakan seperti ini telah menyebabkan banyak kemalangan dan di kalangan negara-negara ASEAN, Malaysia mempunyai jumlah kemalangan seperti ini yang kedua tertinggi selepas Thailand.

Sinar pula telah melaporkan pada 20 Jun 2020 kemalangan lima buah treler di Jalan Pelabuhan Barat, Kelang yang menyebabkan salah seorang dari pemandu treler itu maut di tempat kejadian. Ia berlaku disebabkan kesesakan lalu lintas yang timbul kerana adanya kerja-kerja penyelenggaraan jalan. Empat buah treler itu telah berhenti tetapi tiba-tiba treler kelima merempuh dari belakang.



Bahagian 1

Berkaitan dengan manusia

Hadis 20: Bertenang jangan tergesa-gesa

عَنْ الْفَضْلِ بْنِ عَبَّاسٍ وَكَانَ رَدِيفَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
حِينَ أَقَاضَ مِنْ عَرَفَةَ قَالَ فَرَأَى النَّاسَ يُوضِعُونَ فَأَمَرَ مُنَادِيَهُ
فَنَادَى لَيْسَ الْبِرُّ بِإِيضَاعِ الْخَيْلِ وَالْإِبِلِ فَعَلَيْكُمْ بِالسَّكِينَةِ

Maksudnya,

Dari Al-Fadhli bin Abbas bahwa dia membonceng Nabi ﷺ ketika berangkat dari Arafah lalu dia melihat orang-orang berjalan dengan tergesa-gesa, maka beliau menyuruh seorang penyeru menyerukan; "Tidaklah termasuk kebaikan memaksa kuda dan unta untuk berlari, tapi berangkatlah dengan tenang!" (Ahmad)

Bergerak dengan tenang adalah di antara kunci keselamatan terutama ketika kesesakan lalu lintas berlaku. Tergesa-gesa tidak akan mempercepat perjalanan, malah akan mengganggu dan membahayakan pengguna lain dan dalam masa yang sama menyebabkan rasa marah dan cemas pada diri sendiri.

Tergesa-gesa juga boleh menyebabkan kemalangan kepada diri sendiri. Harian Sinar melaporkan berita pada 16 Ogos 2019 sepasang suami isteri meninggal dunia akibat kemalangan di jalan Kuala Lipis - Gua Musang. Menurut adik mangsa, mereka dalam perjalanan balik dari Johor Bahru ke Gua Musang selepas ziarah anak saudara yang meninggal dunia. Mereka menaiki dua buah kereta. Menurut adik mangsa, selepas asar di Johor Bahru, mereka bertolak dan singgah di Kuala Lipis pada pukul 2 pagi. Pada pukul 3.30 pagi abangnya itu nampak tergesa-gesa hendak meneruskan perjalanan. Dalam perjalanan itu kelihatan kereta abangnya itu beberapa kali terkeluar dari lorong laluan ke sebelah kanan. Akhirnya lebih kurang ada pukul 4.10 pagi, keretanya bertembung dengan sebuah van.

Jangan bergerak laju ketika jalan raya sesak

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ فَأَفَاضَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ عَرَفَةَ وَأَمَرَ هُمْ بِالسَّكِينَةِ وَأَرْدَفَ أُسَامَةَ بْنَ زَيْدٍ وَقَالَ يَا أَيُّهَا النَّاسُ عَلَيْكُمْ بِالسَّكِينَةِ وَالْوَقَارِ فَإِنَّ الْبِرَّ لَيْسَ بِإِجَافِ الْإِيلِ وَالْخَيْلِ فَمَا رَأَيْتُ نَاقَةً رَافِعَةً يَدَهَا عَادِيَةً حَتَّى بَلَغَتْ جَمْعًا ثُمَّ أَرْدَفَ الْفَضْلُ بْنُ عَبَّاسٍ مِنْ جَمْعٍ إِلَى مَنَى وَهُوَ يَقُولُ يَا أَيُّهَا النَّاسُ عَلَيْكُمْ بِالسَّكِينَةِ وَالْوَقَارِ فَإِنَّ الْبِرَّ لَيْسَ بِإِجَافِ الْإِيلِ وَالْخَيْلِ فَمَا رَأَيْتُ نَاقَةً رَافِعَةً يَدَهَا عَادِيَةً حَتَّى بَلَغَتْ مَنَى

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

Dari Ibnu Abbas, ia berkata; "Rasulullah ﷺ bertolak dari Arafah dan menyuruh mereka untuk tenang, saat itu beliau membonceng Usamah bin Zaid, beliau bersabda: "Wahai manusia, hendaklah kalian tenang dan bersahaja, karena sesungguhnya kebaikan itu bukan dengan memacu unta dan kuda." Maka aku pun tidak lagi melihat unta yang mengangkat tangannya hingga mencapai Jam'un. Selanjutnya beliau memboncengkan Al Fadhl bin Abbas dari Jam'un hingga Mina, dan beliau bersabda: "Wahai manusia, hendaklah kalian tenang dan bersahaja, karena sesungguhnya kebaikan itu bukan dengan memacu unta dan kuda." Maka aku pun tidak lagi melihat unta yang mengangkat kakinya tinggi-tinggi (tergesa-gesa) hingga mencapai Mina." (Ahmad)

Bukanlah kebaikan memacu kenderaan, tetapi sebaliknya boleh menimbulkan bahaya kemalangan. Rasulullah ﷺ mengarahkan supaya memandu dengan bersahaja. Telah banyak kajian dilakukan dan semuanya menunjukkan kelajuan menambahkan risiko kemalangan. Kadar kenaikan risiko kemalangan berbanding dengan kelajuan ialah dalam bentuk fungsi kuasa. Semakin laju kenderaan bergerak, semakin tinggi kadar pertambahan risiko kemalangan.

Malaysia Kini melaporkan satu kemalangan pada 24 Oktober 2010 di Km 223 Lebuhraya Utara - Selatan berhampiran tol Simpang Ampat. Sebuah bas ekspres dari Melaka menuju Kuala Lumpur telah bergerak laju. Lebih kurang pukul 6.47 petang, bas itu hilang kawalan lalu seolah-olah melayang menyeberang ke

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

arah berlawanan lalu melanggar sebuah van, dua buah kereta dan sebuah bas lain. Kemalangan ini telah meragut 13 nyawa manusia dan menyebabkan 38 yang lain cedera. Pemeriksaan selepas berlaku kemalangan dan juga maklumat dari Puspakom menunjukkan bas itu dalam keadaan baik. Tiada kerosakan brek atau enjin.



Bahagian 1

Berkaitan dengan manusia

Hadis 21: Lakukan Perjalanan untuk Tujuan yang Baik

عَنْ جَرِيرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ خَرَجْنَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمَّا بَرَزْنَا مِنَ الْمَدِينَةِ إِذَا رَاكِبٌ يُوضِعُ نَحْوَنَا فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَأَنَّ هَذَا الرَّاَكِبَ إِيَّاكُمْ يُرِيدُ قَالَ فَأَنْتَهَى الرَّجُلُ إِلَيْنَا فَسَلَّمَ فَرَدَدْنَا عَلَيْهِ فَقَالَ لَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ أَيْنَ أَقْبَلْتَ قَالَ مِنْ أَهْلِي وَوَالِدِي وَعَشِيرَتِي قَالَ فَأَيْنَ تُرِيدُ قَالَ أُرِيدُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فَقَدْ أَصَبْتَهُ قَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ عَلَّمَنِي مَا الْإِيمَانُ قَالَ تَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَتُقِيمُ الصَّلَاةَ وَتُؤْتِي الزَّكَاةَ وَتَصُومُ رَمَضَانَ وَتَحُجُّ الْبَيْتَ قَالَ فَذَ أَفْرَزْتُ قَالَ ثُمَّ إِنْ بَعِيرُهُ دَخَلَتْ يَدُهُ فِي شَبَكَةِ جُرْدَانٍ فَهَوَى بَعِيرُهُ وَهَوَى الرَّجُلُ فَوَقَعَ عَلَى هَامَتِهِ فَمَاتَ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَيَّ بِالرَّجُلِ قَالَ فَوُتِبَ إِلَيْهِ عَمَّارُ بْنُ يَاسِرٍ وَحُدَيْفَةُ فَأَفْعَدَاهُ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ فُبِضَ الرَّجُلُ قَالَ فَأَعْرَضَ عَنْهُمَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ قَالَ لَهُمَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَا رَأَيْتُمَا إِعْرَاضِي عَنْ الرَّجُلَيْنِ فَإِنِّي رَأَيْتُ مَلَكَيْنِ يَدُسَّانِ فِي فِيهِ مِنْ ثَمَارِ الْجَنَّةِ فَعَلِمْتُ أَنَّهُ مَاتَ جَائِعًا ثُمَّ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

هَذَا وَاللَّهِ مِنْ الَّذِينَ قَالَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ { الَّذِينَ آمَنُوا وَلَمْ يَلْبِسُوا
إِيمَانَهُمْ بِظُلْمٍ أُولَئِكَ لَهُمُ الْأَمْنُ وَهُمْ مُهْتَدُونَ }

Maksudnya:

Dari Jarir bin Abdullah mengatakan, kami keluar bersama Rasulullah ﷺ. Bila kami tiba semula di Madinah, ada seorang berkenderaan datang menuju kami. Lantas Rasulullah ﷺ berkata, "Rupanya orang ini sedang menuju kamu." Kata Jarir, kemudian si laki-laki berkenderaan itu sampai kepada kami. Ia ucapkan salam dan kami pun, menjawab. Nabi ﷺ bertanya "Dari mana engkau datang? "Aku", kata si laki-laki, "darang dari keluarga ku, anak ku dan kerabat ku". "Sebenarnya tujuan kau ke mana?" Tanya Rasulullah. "Aku ingin menemui Rasulullah," Jawabnya. Kata Nabi "Telah engkau temukan." Si laki-laki berkata, "Wahai Rasulullah, ajarilah aku tentang keimanan". Nabi menjawab, "Iman adalah engkau berikrar bahwa tiada sembahyan yang hak selain Allah semata dan bahawasanya Muhammad utusan Allah, engkau mendirikan solat dan membayar zakat, berpuasa di bulan Ramadhan dan haji". "Telah aku ikrarkan itu semua" Jawab si laki-laki. Kata Jarir, tiba-tiba kaki depan unta si laki-laki itu tersangkut dalam lubang tikus, sehingga untanya terjerembab, si laki-laki juga jatuh dan nahasnya ia jatuh dengan kepala terlebih dahulu. Si laki-laki itu tercabut nyawanya. Lantas Rasulullah ﷺ berkata, "Tolong bawa orang itu ke mari. Ammar bin Yasir dan Hudzaifah dengan segera mengangkatnya dan mendudukkannya lantas berkata "Ya Rasulullah, si laki-laki ini telah tiada", Kata

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

Jarir. Kemudian Rasulullah ﷺ berpaling dari keduanya, lantas beliau berkata kepada Ammar dan Khudzaifah "Tidakkah kamu berdua melihat ku menoleh si laki-laki ini? Sebab ku lihat dua malaikat menyisipkan buah-buahan syurga dalam mulutnya, maka aku baru tahu kalau dia mati dalam keadaan lapar". Kemudian Rasulullah ﷺ bersabda; "Laki-laki ini, demi Allah, adalah antara yang Allah sebutkan, "Sesungguhnya orang-orang yang tidak mencampuri keimanan mereka dengan kezaliman, bagi mereka jaminan keamanan dan merekalah orang-orang yang mendapat petunjuk." (Al-An'am 82)." (Ahmad)

Setiap tahun ramai orang yang menemui ajalnya ketika dalam perjalanan akibat kemalangan jalan raya. Ada yang mati di tempat kejadian dan ada pula di hospital. Hanya Allah yang tahu apa yang terjadi selepas kematian itu. Tetapi lelaki yang disebutkan dalam hadis di atas sedang melakukan perjalanan untuk tujuan yang baik. Ia telah mati disebabkan kemalangan kenderaannya. Kematianannya sangat istimewa kerana ia telah dapat memakan makanan syurga walaupun jenazahnya belum dimandikan dan dikafankan.

Bahagian 1

Berkaitan dengan manusia

Hadis 22: Berhenti jika mengantuk

عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا نَعَسَ أَحَدُكُمْ وَهُوَ يُصَلِّي فَلْيَرْقُدْ حَتَّى يَذْهَبَ عَنْهُ النَّوْمُ فَإِنَّ أَحَدَكُمْ إِذَا صَلَّى وَهُوَ نَاعِسٌ لَا يَدْرِي لَعَلَّهُ يَسْتَغْفِرُ فَيَسُبُّ نَفْسَهُ

Maksudnya:

Dari 'Aisyah, bahwa Rasulullah ﷺ bersabda: "Jika salah seorang dari kalian mengantuk ketika solat hendaklah ia tidur hingga hilang kantuknya, karena bila solat dalam keadaan mengantuk ia tidak menyedari, mungkin ia bermaksud beristighfar tetapi boleh jadi ia mencaci dirinya." (Bukhari, Muslim)

Dalam hadis ini Rasulullah ﷺ telah mengarahkan apabila mengantuk ketika solat, hendaklah berhenti solat dan pergi tidur kerana dikhuatiri akan mengerjakan atau menyebutkan apa yang tidak patut dalam solat. Begitu juga ketika memandu kenderaan. Apabila mengantuk, seseorang boleh terlelap sejenak dan akan

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

hilang pandangannya terhadap jalan raya atau tidak dapat mentafsirkan apa yang berlaku di hadapannya. Walaupun matanya masih celik, tetapi hakikatnya ia telah terlena. Terlena walaupun sesaat amat bahaya bagi kenderaan yang sedang bergerak laju.

Pada 19 Mei 2020, Astro Awani melaporkan berita berkenaan sebuah lori 3 tan dalam perjalanan untuk menghantar barang telah terbabas di Lebuhraya Utara – Selatan di Km 65.7 berhampiran susur keluar Pendang. Kemalangan itu berlaku lebih kurang pada pukul 9 pagi. Tiada pelanggaran atau bergesel. Dipercayai pemandu mengantuk lalu hilang kawalan. Pemandu mengalami patah tangan dan kaki manakala kelindan menemui ajalnya di tempat kejadian.



Bahagian 2

Berkaitan dengan kenderaan

Hadis 23: Kenderaan yang baik

حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ سَعْدِ بْنِ أَبِي وَقَّاصٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ
جَدِّهِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ سَعَادَةِ ابْنِ آدَمَ
ثَلَاثَةٌ وَمِنْ شِقْوَةِ ابْنِ آدَمَ ثَلَاثَةٌ مِنْ سَعَادَةِ ابْنِ آدَمَ الْمَرْأَةُ
الصَّالِحَةُ وَالْمَسْكَنُ الصَّالِحُ وَالْمَرْكَبُ الصَّالِحُ وَمِنْ شِقْوَةِ ابْنِ
آدَمَ الْمَرْأَةُ السُّوءُ وَالْمَسْكَنُ السُّوءُ وَالْمَرْكَبُ السُّوءُ

Maksudnya,

Telah menceritakan kepada kami oleh Isma'il bin Muhammad bin Sa'd bin Abu Waqqash dari ayahnya dari datuknya, berkata; Rasulullah ﷺ bersabda, "Tiga tanda kebahagiaan anak Adam dan tiga tanda kesengsaraan anak Adam; tanda kebahagiaan anak cucu adam adalah isteri yang solehah, tempat tinggal yang baik dan kenderaan yang baik. Tanda kesengsaraan anak Adam pula ialah isteri yang berakhlak buruk, tempat tinggal yang buruk dan kenderaan yang buruk." (Ahmad)

Kenderaan yang baik telah dijadikan salah satu tanda kebahagiaan seseorang oleh Rasulullah ﷺ. Ciri yang paling asas kepada kenderaan yang baik ialah ciri-ciri keselamatan yang ada pada kenderaan itu seperti tayar dan sistem brek yang bagus, sistem penyaman udara yang selesa dari segi suhu dan

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

mengitarikan udara yang bersih dengan kandungan oksigen yang mencukupi, berbagai-bagai sensor yang boleh mengelakkan kemalangan dan rangka badan yang boleh melindungi penumpang jika kemalangan berlaku. Oleh itu apabila membeli atau menyewa kenderaan, ciri-ciri keselamatan ini perlu diutamakan.

Astro Awani melaporkan pada 24 Jun 2020 bahawa sebuah kereta yang baru dibeli tiba-tiba mengalami kerosakan yang menyebabkan kemalangan di Leeds. Kereta tersebut ialah Lamborgini baru. Ketika kereta itu dipandu di Lorong kanan, tiba-tiba kereta itu berhenti akibat kerosakan mekanikal. Lalu ia dilanggar oleh kereta yang datang dari belakang. Kereta mewah, mahal dan baru tidak semestinya selamat. Oleh itu carilah kereta yang telah terbukti selamat dan selesa.



Bahagian 2

Berkaitan dengan kenderaan

Hadis 24: Mendoakan kenderaan

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ عَزَوْتُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَتَلَّاحَقَ بِي وَتَحْتِي نَاضِحٌ لِي قَدْ أَغْيَا وَلَا يَكَادُ يَسِيرُ قَالَ فَقَالَ لِي مَا لِبَعِيرِكَ قَالَ قُلْتُ عَدِيلٌ قَالَ فَتَخَلَّفَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَزَجَرَهُ وَدَعَا لَهُ فَمَا زَالَ بَيْنَ يَدَيْ الْإِبِلِ قُدَّامَهَا يَسِيرُ قَالَ فَقَالَ لِي كَيْفَ تَرَى بَعِيرَكَ قَالَ قُلْتُ بِخَيْرٍ قَدْ أَصَابَتْهُ بَرَكَتُكَ

Maksudnya,

Dari Jabir bin Abdullah dia berkata, "Dulu ketika saya berperang bersama Rasulullah ﷺ beliau menemui ku, sedangkan aku tengah mengenderai unta ku yang keletihan dan hampir tidak dapat berjalan. Setelah itu beliau bertanya kepada ku, "Ada apa dengan unta mu wahai Jabir?" Saya menjawab, "Sedang sakit wahai Rasulullah." Kemudian beliau mundur ke belakang, lalu menghentak dan mendoakan unta saya. Setelah itu unta ku selalu berjalan di depan. Nabi ﷺ bertanya lagi, "Bagaimana

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

kamu sekarang melihat unta mu?" saya menjawab, "Sekarang unta ku terlihat kuat dan sihat kembali." (Muslim)

Kenderaan walaupun masih baru dan berharga mahal boleh rosak dan mengakibatkan bermacam-macam masalah, termasuk kemalangan. Beberapa buah kenderaan sedang berbaris di persimpangan lampu isyarat berhampiran plaza tol Machap. Tiba-tiba sebuah lori mengalami kerosakan brek lalu melanggar kenderaan-kenderaan yang sedang berbaris itu. Dua orang telah terbunuh dan 7 buah kenderaan rosak teruk. Kejadian ini dilaporkan oleh Utusan Malaysia pada 28 Disember 2020. Oleh itu kita perlu sentiasa menyelenggarakan dan berdoa supaya kenderaan kita sentiasa dalam keadaan baik, terutama apabila hendak melakukan perjalanan jauh. Kenderaan yang rosak Ketika bergerak laju bukan sahaja boleh membahayakan diri tetapi juga kenderaan lain.



Bahagian 2

Berkaitan dengan kenderaan

Hadis 25: Kenderaan untuk sombong

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْخَيْلُ ثَلَاثَةٌ فَهِيَ لِرَجُلٍ أَجْرٌ وَلِرَجُلٍ سِنَّرٌ وَلِرَجُلٍ وَزْرٌ فَأَمَّا الَّتِي هِيَ لَهُ أَجْرٌ فَالرَّجُلُ يَتَّخِذُهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَيُعِدُّهَا لَهُ فَلَا تُغَيَّبُ شَيْئًا فِي بَطُونِهَا إِلَّا كَتَبَ اللَّهُ لَهُ أَجْرًا وَلَوْ رَعَاهَا فِي مَرْجٍ مَا أَكَلَتْ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا كَتَبَ اللَّهُ لَهُ بِهَا أَجْرًا وَلَوْ سَقَاهَا مِنْ نَهْرٍ كَانَ لَهُ بِكُلِّ قَطْرَةٍ تُغَيَّبُهَا فِي بَطُونِهَا أَجْرٌ حَتَّى ذَكَرَ الْأَجْرَ فِي أَبْوَالِهَا وَأَرْوَائِهَا وَلَوْ اسْتَنْتَ شَرَفًا أَوْ شَرَفَيْنِ كُتِبَ لَهُ بِكُلِّ خُطْوَةٍ تَخْطُوهَا أَجْرٌ وَأَمَّا الَّتِي هِيَ لَهُ سِنَّرٌ فَالرَّجُلُ يَتَّخِذُهَا تَكْرُمًا وَتَجْمُلًا وَلَا يَنْسَى حَقَّ ظُهُورِهَا وَبَطُونِهَا فِي عُسْرِهَا وَيُسْرِهَا وَأَمَّا الَّتِي هِيَ وَزْرٌ فَالَّذِي يَتَّخِذُهَا أَشْرًا وَبَطْرًا وَبَذَخًا وَرِيَاءً النَّاسُ فَذَلِكَ الَّتِي هِيَ عَلَيْهِ وَزْرٌ

Maksudnya,

Dari Abu Hurairah, katanya berkata Rasulullah ﷺ “Kuda itu tiga macam; iaitu kuda yang pemiliknya akan mendapatkan pahala,

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

kuda yang menjadi perisai, dan kuda yang pemiliknya mendapatkan dosa. Adapun kuda yang pemiliknya mendapat pahala adalah kuda yang dipersiapkan untuk membela agama Allah, dan untuk berjihad di jalan Allah. Maka apa-apa yang dimakan kuda itu dituliskan bagi pemiliknya kebajikan sebanyak apa yang dimakan kuda tersebut. Jika ia menggembalanya di padang gembalaan maka akan ditulis bagi pemiliknya kebajikan sebanyak yang dimakannya. Bila kuda tersebut diberi air minum dari sungai maka akan dituliskan kebajikan bagi pemiliknya sebanyak air yang diminumnya. Bila tali kuda itu terputus, kemudian kuda itu lari ke tempat yang tinggi maka dituliskan untuk pemiliknya kebajikan sebanyak jejak yang dilalui kuda itu. Sedangkan kuda yang menjadi perisai bagi pemiliknya adalah orang yang memelihara kuda untuk kemuliaan dan perhiasan dengan tidak melupakan hak Allah, iaitu dijadikan sebagai tunggangan dan diperhatikan pula makanannya, baik di masa mudah atau susah. Sedangkan kuda yang pemiliknya akan mendapat dosa ialah apabila orang memeliharanya untuk menyombongkan diri dan karena riya', maka kuda bagi orang itu menjadi sumber dosa." (Muslim)

Sebelum wujud kenderaan bermotor, kuda merupakan kenderaan utama. Orang kaya akan mengenderai kuda mahal manakala orang susah mengenderai keldai atau hanya berjalan kaki. Tiada salahnya memiliki kenderaan mahal jika ia digunakan untuk keperluan yang sesuai dengan syariat Allah. Tetapi jika ia bertujuan menunjuk-nunjuk ia menjadi sumber dosa dan akan

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

mengundang berbagai-bagai masalah keselamatan di jalan raya. Tambahan pula ia menjadi kecelakaan di akhirat.

Pada 8 September 2021 tular video di media-media sosial mengenai kemalangan jalan raya yang berlaku akibat sebuah kereta Lamporgini dipandu laju lalu melanggar 6 buah kereta di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur, lebih kurang pukul 8 pagi. Kejadian ini kemudian disiarkan dalam akhbar-akhbar arus perdana.

Sebaliknya kenderaan boleh menjadi perisai atau menjadi sumber pahala. Oleh itu pastikan diri kita supaya membeli kenderaan untuk tujuan di jalan Allah supaya ia menjadi perisai bagi kita dan menjadi sumber pahala.



Bahagian 2

Berkaitan dengan kenderaan

Hadis 26: Kenderaan sial

أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا عَدْوَى وَلَا طَيْرَةَ إِلَّا الشُّؤْمُ فِي ثَلَاثٍ فِي الْفَرَسِ وَالْمَرْأَةِ وَالِدَّارِ


Maksudnya,

Bahwa Abdullah bin Umar ra. berkata, "Rasulullah ﷺ bersabda, "Tidak ada 'adwa (keyakinan adanya penularan penyakit) tidak ada thiyarah (menganggap sial sesuatu hingga tidak jadi beramal) dan ada kalanya kesialan itu terdapat pada tiga perkara, iaitu; kenderaan, isteri dan tempat tinggal." (Bukhari)

Kenderaan boleh membawa sial dengan menyebabkan pemiliknya rasa bongkak lalu bertindak jahat atau marah tidak bertempat. Rasa bongkak atau ego disebabkan kereta yang hebat memang boleh menyebabkan celaka, pantang dipotong

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

lalu mengejar dan berlumba di jalan raya. Kenderaan ini juga boleh menyebabkan pemiliknya terpaksa membelanjakan wang yang banyak dan bahkan ia boleh menjadi penyebab kemalangan yang boleh mencederakan atau membunuh pemiliknya. Oleh itu pemiliknya mesti sentiasa berdoa dan mengawal dirinya untuk sentiasa bersikap sabar dan taat kepada Allah swt.



Bahagian 2

Berkaitan dengan kenderaan

Hadis 27: Punca Kejahatan

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا عَدْوَى وَلَا طَيِّرَةَ وَإِنَّمَا الشُّؤْمُ فِي ثَلَاثَةِ الْمَرَأَةِ وَالْفَرَسِ وَالذَّارِ

Maksudnya,

Dari Abdullah bin 'Umar bahwa Rasulullah ﷺ bersabda, "Tidak ada penyakit yang menular secara sendirian, tidak ada pengaruh atau alamat jahat pada suara burung. Dan ada kalanya pengaruh jahat itu terdapat pada tiga perkara: Dalam diri wanita, pada kuda, dan dalam rumah tangga." (Muslim)

Dahulu kenderaan utama ialah kuda. Pada hari ini kereta telah menjadi pengangkutan utama di negara kita dan juga di negara-negara maju. Perangai orang boleh berubah apabila memandu kereta sehingga banyak kajian psikologi telah dilakukan bahkan telah wujud satu cabang ilmu yang dikatakan Psikologi Lalu Lintas (Traffic Psychology). Orang yang dalam keadaan biasa nampak penyabar dan bertingkah laku dengan baik tiba-tiba

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

apabila memandu kereta menjadi orang yang selalu memandu dengan laju, merempit ke kira kanan, memotong barisan, mencucuk kenderaan dari belakang, nyalakan lampu besar kerana kereta di depan agak perlahan, bunyikan hon bahkan menunjukkan penumbuk. Kadang-kadang halang kenderaan lain lalu turun membawa kayu atau besi untuk memukul. Ini dikatakan amarah di jalan raya (road rage).

Pada 1 November 2021 Sinar telah melaporkan sebuah kereta Toyota Altis telah memotong sebuah kereta Myvi lalu membrek kecemasan beberapa kali. Puncanya ialah kereta Myvi itu berjalan perlahan di Lorong kanan. Pemandu kereta Toyota itu dikatakan berang kerana Myvi itu bergerak perlahan dan apabila ia cuba memotong dari kiri kereta Myvi itu juga menukar Lorong ke kiri. Polis telah menahan pemandu kereta itu.

Pada 15 Julai 2013, mStar melaporkan sebuah kajian oleh MIROS berkenaan amarah di jalan raya Malaysia. Kemarahan seperti terdiri dari tiga peringkat, iaitu kemarahan melampau, kemarahan sederhana dan kemarahan rendah. Didapati Wanita lebih mudah marah apabila memandu kereta. Dalam kajian itu, Terengganu adalah negeri yang paling tinggi kadar kemarahan pemandu diikuti oleh Melaka dan kemudian Kuala Lumpur. Yang paling rendah ialah Kedah. Secara puratanya 18% pemandu di Malaysia termasuk dalam kategori kemarahan melampau. Ini bermakna lebih kurang 2.4 juta pemandu Malaysia mudah menjadi marah apabila berada dalam kereta. Mengikut laporan itu juga pemandu Malaysia tiga atau empat kali lebih bersikap

pemarah berbanding pemandu di Amerika Syarikat, Britain, Australia, New Zealand, Sepanyol dan Turki.

Mengelakkan menjadi marah

Kenderaan boleh menjadikan pemiliknya menjadi jahat lantaran marah. Banyak sebab yang menjadikan pemilik kenderaan menjadi marah seperti ada kenderaan lain yang potong barisan, menghimpit, menghalang laluan dan berbagai-bagai lagi. Abu Hurairah ra menceritakan,

أَنَّ رَجُلًا، قَالَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَوْصِنِي. قَالَ " لَا تَغْضَبْ " . فَرَدَّدَ مِرَارًا، قَالَ " لَا تَغْضَبْ "

Maksudnya:

Seorang pemuda meminta nasihat daripada Nabi ﷺ, dan Nabi bersabda, "Janganlah kamu menuruti amarah". Dia mengulangi pertanyaannya, dan Nabi mengulanginya sebanyak tiga kali. (Bukhari)

Nabi ﷺ juga pernah bersabda:

لَيْسَ الشَّدِيدُ بِالصُّرْعَةِ إِنَّمَا الشَّدِيدُ الَّذِي يَمْلِكُ نَفْسَهُ عِنْدَ الْغَضَبِ

Maksudnya:

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

“Seorang yang kuat itu bukanlah yang handal bergusti; seorang yang kuat ialah orang yang mampu mengawal dirinya sewaktu sedang marah”. (Bukhari, Muslim)

Rasulullah juga bersabda,

إِنَّ الْغَضَبَ مِنَ الشَّيْطَانِ وَإِنَّ الشَّيْطَانَ خُلِقَ مِنَ النَّارِ وَإِنَّمَا تُطْفَأُ
النَّارُ بِالْمَاءِ فَإِذَا غَضِبَ أَحَدُكُمْ فَلْيَتَوَضَّأْ

Maksudnya:

“Sesungguhnya kemarahan itu datang daripada syaitan, dan syaitan itu dicipta daripada api, dan api hanya dapat dipadamkan dengan air. Maka jika salah seorang daripada kalian berasa marah, hendaklah dia berwuduk”. (Abu Daud)

Mengambil wuduk ketika memandu boleh dikatakan mustahil. Oleh itu ada baiknya berwuduk sebelum memandu dan mengulangi wuduk ketika berhenti rehat. Di samping itu bacalah doa-doa dan bacaan-bacaan yang telah disebutkan dalam hadis-hadis sebelum ini.

Mengelakkan pemandu lain yang marah

Pemandu yang marah ada di mana-mana. Di samping membaca doa dan bacaan-bacaan yang telah disebutkan dalam hadis-hadis sebelum ini, amalkan perkara-perkara berikut:

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

1. Amalkan kaedah pemanduan yang bersopan
2. Jika anda berjumpa dengan pemandu yang agresif, bersangka baik dan beri laluan. Mungkin ia sedang dalam kecemasan seperti membawa ahli keluarga yang tenat dan memerlukan rawatan doktor dengan segera
3. Jangan tunjukkan reaksi yang menyebabkan pemandu berkenaan menjadi lebih marah seperti menunjukkan penumbuk
4. Jangan gunakan hon kecuali dalam keadaan kecemasan
5. Jangan berlumba
6. Minta maaf jika membuat salah dengan mengangkat tangan atau berhenti dan beri laluan
7. Jika dalam keadaan tertekan atau marah, berhenti sebentar, ambil wuduk dan beristighfar
8. Rancang perjalanan supaya tidak terburu-buru yang boleh menyebabkan orang lain marah
9. Jika diserang telefon polis



Bahagian 2

Berkaitan dengan kenderaan

Hadis 28: Kenderaan perlukan penyelenggaraan dan berhenti jauh dari jalan laluan

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا سَافَرْتُمْ فِي الْخِصْبِ فَأَعْطُوا الْإِئِيلَ حَقَّهَا وَإِذَا سَافَرْتُمْ فِي الْجَدْبِ فَأَسْرِعُوا السَّيْرَ وَإِذَا أَرَدْتُمْ التَّعْرِيْسَ فَنَتَكَّبُوا عَنِ الطَّرِيقِ

Maksudnya:

Dari Abu Hurairah, dia berkata, "Bahwa sanya Rasulullah ﷺ bersabda, "Jika kalian bermusafir di tanah subur (banyak rumput) maka berikanlah unta haknya, dan jika kalian bermusafir di tanah yang gersang dan kering, maka percepatlah perjalanan, dan jika kalian ingin berhenti istirahat (di malam hari) maka menjauhlah dari jalan." (Ahmad)

Kenderaan perlukan penyelenggaraan yang baik. Zaman Rasulullah ﷺ unta-unta yang menjadi kenderaan untuk bermusafir perlukan makanan dan minuman. Pada hari ini

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

kereta atau kenderaan lain yang digunakan perlu diselenggarakan dengan baik supaya ia selamat digunakan dan tidak akan menyusahkan di tengah perjalanan. Di samping itu, jika berehat, mesti jauh dari jalan raya untuk mengelakkan dari terlanggar oleh kenderaan lain.

Pada 26 April 2021 harian Metro melaporkan berita sebuah lori mengalami kerosakan brek telah melanggar 3 buah kereta di Jalan Bukit Permai, Ampang. Kejadian itu berlaku ketika lori berkenaan menuruni bukit lalu melanggar kereta-kereta berkenaan yang berhenti di persimpangan.

Sinar pula telah melaporkan pada 9 Ogos 2020, seorang penunggang motosikal maut kerana terlanggar sebuah lori yang sedang berhenti di bahu jalan di kilometer 154 jalan Kuala Terengganu - Kuantan. Sinar juga melaporkan pada 29 Januari 2021, sebuah lori yang berhenti di bahu jalan telah dirempuh oleh sebuah lori tangki di jalan Kluang - Batu Pahat. Pemandu lori tangki itu dan 2 orang juruteknik menemui maut.

Pada 23 Disember 2024 lalu satu kemalangan ngeri telah berlaku di km 204 Lebuhraya Utara Selatan. Kemalangan ini telah dilaporkan oleh semua media arus perdana kerana ia melihatkan kematian 7 orang dan 33 cedera. Lima daripada yang terkorban itu adalah satu keluarga. Kemalangan ini berpunca daripada sebuah tayar lori tercabut. Sebuah bas yang datang dari belakang terlanggar tayar tersebut yang menyebabkannya terpesong memasuki arah berlawanan lalu bertembung dengan sebuah kereta MPV. Pasal sebuah tayar tercabut, 7 orang mati dan 33 cedera.

Bahagian 2

Berkaitan dengan kenderaan

Hadis 29: Kenderaan bermasalah

عَنْ ثَوْبَانَ مَوْلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ قَالَ رَسُولُ
اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي مَسِيرٍ لَهُ إِنَّا مُدْلِجُونَ فَلَا يُدْلَجَنَّ
مُصْعَبٌ وَلَا مُضْعَفٌ فَأَدْلَجَ رَجُلٌ عَلَى نَاقَةٍ لَهُ صَعْبَةً فَسَقَطَ
فَأَنْدَقَتْ فَخِذُهُ فَمَاتَ فَأَمَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
بِالصَّلَاةِ عَلَيْهِ ثُمَّ أَمَرَ مُنَادِيًا يُنَادِي فِي النَّاسِ إِنَّ الْجَنَّةَ لَا تَحِلُّ
لِعَاصٍ إِنَّ الْجَنَّةَ لَا تَحِلُّ لِعَاصٍ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ

Maksudnya:

Dari Tsauban, pelayan Rasulullah ﷺ berkata, "Rasulullah ﷺ bersabda dalam sebuah perjalanan beliau, "Kita berjalan sepanjang malam, maka janganlah tunggangan yang bermasalah dan lemah berjalan sepanjang malam." Lalu seseorang berjalan semalaman dengan mengenderai unta yang bermasalah, ia terjatuh dan lututnya terantuk lalu mati. Kemudian Rasulullah ﷺ memerintahkan agar disolatkan lalu memerintahkan seseorang menyerukan; Syurga tidak halal bagi orang yang durhaka, syurga

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

tidak halal bagi orang yang durhaka. Sebanyak tiga kali”.
(Ahmad)

Kenderaan yang bermasalah sebaiknya tidak digunakan kerana ia boleh menyebabkan kemalangan. Bayangkan apa akan terjadi jika kenderaan sedang bergerak lalu sistem brek tidak berfungsi. Dalam hadis ini Rasulullah ﷺ telah melarang berjalan sepanjang malam jika kenderaan bermasalah tetapi ada orang yang tidak mempedulikan larangan itu. Tiba-tiba berlaku kemalangan. Rasulullah ﷺ menyifatkannya sebagai durhaka.

Pada 20 September 2018, Harian Metro menyiarkan berita kemalangan sebuah lori yang mengalami kerosakan brek melanggar sebuah kereta di Batu Empat, Simpang Jalan Gunung Pulai, Pontian. Akibat pelanggaran itu pemandu kereta dan seorang penumpang maut di tempat kejadian.

Harian Sinar pula pada 12 September 2020 telah menyiarkan berita kemalangan yang disebabkan sebuah lori yang mengalami kerosakan lalu melanggar enam buah kenderaan di atas jabatan Jalan Pasir Putih, Ipoh. Tujuh orang telah cedera akibat kemalangan itu.

Dalam hadis ini Rasulullah ﷺ telah melarang penggunaan kenderaan yang bermasalah terutama bagi perjalanan jauh. Oleh itu pastikan kenderaan yang digunakan diselenggarakan dengan baik.

Bahagian 2

Berkaitan dengan kenderaan

Hadis 30: Larangan mengeji kenderaan

عَنْ أَبِي بَرْزَةَ قَالَ قَالَ يَزِيدُ الْأَسْلَمِيُّ قَالَ كَانَتْ رَاجِلَةٌ أَوْ نَاقَةٌ أَوْ
بَعِيرٌ عَلَيْهَا مَتَاعٌ لِقَوْمٍ فَأَخَذُوا بَيْنَ جَبَلَيْنِ وَعَلَيْهَا جَارِيَةٌ فَتَضَايَقَ
بِهِمُ الطَّرِيقُ فَأَبْصَرَتْ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَجَعَلَتْ تَقُولُ
حَلْ حَلْ اللَّهُمَّ الْعَنْهَا أَوْ الْعَنْهُ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا
تَصْغَبْنِي نَاقَةٌ أَوْ رَاجِلَةٌ أَوْ بَعِيرٌ عَلَيْهَا أَوْ عَلَيْهِ لَعْنَةٌ مِنْ اللَّهِ
تَبَارَكَ وَتَعَالَى

Maksudnya:

Dari Abu Barzah; berkata Yazid Al Aslamiy, "Ada seekor haiwan tunggangan atau unta yang penuh dengan muatan dagangan suatu kaum lalu, hingga mereka menyusuri di antara dua buah bukit. Unta tersebut juga ditunggangi seorang hamba wanita. Kemudian jalan menjadi sempit dan Rasulullah ﷺ melihat si hamba (sedang mengeluhkan untanya) dan berkata; "Huz-huz, Ya Allah laknatilah unta itu atau laknatilah ia." Maka beliau ﷺ bersabda, "Jangan kau menggunakan unta atau kenderaan yang di atasnya ada laknat dari Allah Tabaraka Wa Ta'ala." (Ahmad)

Dalam hadis yang lain disebutkan seperti berikut,

عَنْ أَبِي الْجَوْزَاءِ عَنْ عَائِشَةَ أَنَّهَا كَانَتْ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي سَفَرٍ فَلَعَنَتْ بَعِيرًا لَهَا فَأَمَرَ بِهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُرَدَّ وَقَالَ لَا يَصْحَبُنِي شَيْءٌ مَلْعُونٌ

Maksudnya:

Dari Abi Aljauza`, dari Aisyah bahawasanya ia pernah bersama Nabi ﷺ dalam sebuah perjalanan, lalu Aisyah melaknat untanya, maka Nabi ﷺ memerintahkan untuk mengembalikannya seraya bersabda, "Tidak boleh menyertai ku sesuatu yang terlaknat." (Ahmad)

Apabila kenderaan sendiri dikeji atau dilaknat disebabkan prestasinya yang kurang memuaskan dengan automatik orang yang di atas kenderaan itu merasa negatif terhadap kenderaan itu. Jika dikeji atau dilaknat dengan nama Allah, seolah-olah mengundang padah. Walaupun semua peraturan dipatuhi dan kenderaan dipandu dengan berhati-hati, nahas boleh terjadi pada bila-bila masa. Malang tidak berbau. Lebih baik jika kenderaan mula beragam baca bismillah seperti dalam hadis sebelum ini (hadis 9) dan berdoa seperti yang disarankan dalam hadis (24)

Kemalangan jalan raya memang boleh terjadi bila-bila masa. Pada 27 Mei 2021 Kosmo melaporkan bahawa seorang penunggang motosikal dan dua orang yang menaiki kenderaan berhadapan dengan saat yang mencemaskan apabila sebuah pokok tumbang menghempap mereka berdekatan Muzium

Negara. Hujan dan angin kencang menyebabkan pokok itu tumbang. Kenderaan mereka rosak teruk tetapi mereka bernasib baik kerana penunggang motosikal itu hanya cedera ringan manakala yang menaiki kereta tidak mengalami kecederaan yang nyata.

Apabila menaiki kenderaan, perlu berusaha supaya perjalanan itu bertujuan untuk kebaikan dan membaca doa-doa yang telah disarankan dalam hadis-hadis sebelum ini. Jika berlaku kemalangan, semoga Allah swt memberi ganjaran kebaikan berlipat ganda. Itulah yang berlaku kepada seorang lelaki semasa zaman Rasulullah ﷺ yang beramal sedikit tetapi mendapat ganjaran pahala yang banyak. Peristiwa ini disebutkan dalam hadis berikut:

عَنْ جَرِيرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ الْبَجَلِيِّ أَنَّ رَجُلًا جَاءَ فَدَخَلَ فِي الْإِسْلَامِ
فَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعَلِّمُهُ الْإِسْلَامَ وَهُوَ فِي
مَسِيرِهِ فَدَخَلَ حُفَّ بَعِيرِهِ فِي جُحْرِ يَزْبُوعَ فَوَقَصَهُ بَعِيرُهُ فَمَاتَ
فَأَتَى عَلَيْهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ عَمَلٌ قَلِيلًا وَأَجْرٌ
كَثِيرًا

Maksudnya:

Dari Jarir bin Abdullah Al Bajali bahwa seorang laki-laki datang dan menyatakan masuk Islam. Maka Rasulullah ﷺ pun mengajarkan Islam kepadanya. Ketika itu ia masih berada dalam perjalanan tiba-tiba telapak kaki unta miliknya masuk ke dalam

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

sarang Yarbu' (sejenis tikus), sehingga ia jatuh yang mematahkan lehernya dan ia pun mati. Kemudian Rasulullah ﷺ mendatanginya dan bersabda, "Ia beramal sedikit, namun diberi ganjaran pahala yang banyak." (Ahmad)



Bahagian 3

Berkaitan dengan jalan raya

Hadis 31: Membuang halangan dari jalan raya

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ بَيْنَمَا
رَجُلٌ يَمْشِي بِطَرِيقٍ وَجَدَ عُصْنَ شَوْكٍ عَلَى الطَّرِيقِ فَأَخْرَهُ
فَشَكَرَ اللَّهُ لَهُ فَعَفَرَ لَهُ

Dari Abu Hurairah, bahwa Rasulullah ﷺ bersabda, "Ketika seorang laki-laki berjalan pada sebatang jalan dan menemukan dahan berduri lalu ia membuangnya maka Allah menyanjungnya dan mengampuni dosanya." (Bukhari).

Dahan berduri atau apa juga benda yang berbahaya di tengah jalan raya boleh menyebabkan kemalangan jalan raya yang membawa kepada kematian. Oleh itu membuang halangan ini amat besar maknanya kepada pengguna jalan raya. Pada hari ini kenderaan bergerak dengan laju. Objek kecil di permukaan jalan raya boleh menyebabkan kenderaan terutama motosikal terbabas atau hilang kawalan.

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

Dalam hadis ini disebutkan dahan berduri yang menghalang jalan. Pada hari banyak bentuk halangan yang mungkin menjadi penyebab kemalangan. Lubang di permukaan jalan, batu, bahagian tayar yang koyak dan bahkan bentuk lengkung jalan yang tidak mengikut standard boleh menjadi punca kemalangan jalan raya. Semua ini memerlukan perhatian orang-orang yang bertanggungjawab untuk memperbaikinya dan tindakan mereka akan mendapat pengampunan dosa dari Allah swt jika mereka benar-benar ikhlas dan beriman.

Pada 10 Mei 2021, Kosmo telah melaporkan bahawa pihak PLUS telah mengutip objek-objek yang jatuh di permukaan lebuh raya di bawah jagaannya sebanyak 19,218 pada tahun 2020. 46.1% merupakan serpihan tayar. Objek-objek ini telah menyebabkan 776 kemalangan. Walaupun pihak PLUS telah membuang objek-objek itu, tetapi masih berlaku kemalangan. Sebabnya terdapat masa antara objek berkenaan tercampak di permukaan lebuh raya dengan masa pengutipan.

Dalam satu kes mahkamah peguam Nor Zabetha telah menceritakan dalam SiakapKeli.my mengenai pembelaannya kepada Noor Ana binti Bakri yang berkenaan tuntutan kerugian akibat kewafatan suaminya yang terlanggar objek di lebuh raya. Mahkamah telah membenarkan tuntutan itu sebanyak RM 422,400 untuk anak dan isteri si mati dan RM 57,600 untuk bapa si mati. Peristiwa malang itu berlaku pada 13/10/2016 antara pukul 8:00 hingga 8:30 malam di km175.4 Lebuh raya Utara Selatan. Sebenarnya pada pukul 6.05 petang pihak lebuh raya

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

telah membuat rondaan dan tiada apa-apa objek di atas permukaan lebuh raya di tempat kejadian. Tetapi mahkamah berpendapat antara pukul 6:06 hingga pukul 8:00 adalah masa yang panjang. Bermacam-macam objek boleh terjatuh dalam tempoh itu.

Membuang dahan berduri atau objek-objek lain dari jalan raya yang tidak sibuk boleh dilakukan oleh siapa sahaja dan ia akan mendapat ganjaran yang besar dari Allah. Tetapi bagi jalan raya yang sibuk dan lalu lintas bergerak laju, membuang gangguan di permukaan jalan raya memerlukan prosedur dan kemahiran khas. Kerja ini hanya boleh dilakukan oleh orang ditugaskan. Orang awam tidak mungkin mampu membuang objek seperti ini. Apa yang boleh dilakukan ialah melaporkan halangan itu kepada pihak yang berwajib.



Bahagian 3

Berkaitan dengan jalan raya

Hadis 32: Memotong dahan pokok yang berjuntai ke jalan raya

بَيْنَمَا رَجُلٌ يَمْشِي بِطَرِيقٍ وَجَدَ عُصْنَ شَوْكٍ عَلَى الطَّرِيقِ
فَأَخْرَهُ، فَشَكَرَ اللَّهُ لَهُ فَعَفَرَ لَهُ عَنِ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَقَدْ رَأَيْتُ رَجُلًا يَتَّقِلُبُ فِي الْجَنَّةِ فِي شَجَرَةٍ
قَطَعَهَا مِنْ ظَهْرِ الطَّرِيقِ كَأَنَّ تُوذِي النَّاسِ

Maksudnya,

Dari Abu Hurairah dari Nabi ﷺ, beliau bersabda, "Sungguh aku melihat seseorang sedang berbahagia di syurga kerana ia telah memotong dahan pohon yang berjuntai ke jalan yang mengganggu orang lalu." (Muslim)

Dahan atau ranting pokok yang berjuntai ke bahagian jalan akan menghalang pandangan dan boleh merosakkan kenderaan. Bahkan jika dahan pokok itu besar, kenderaan yang melanggarnya akan remuk dan membunuh penumpangnya.

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

Oleh itu membersihkan halangan-halangan seperti itu amat besar maknanya.

Pada 10 April 2021 Utusan melaporkan seorang penunggang motosikal telah menemui ajalnya akibat terlanggar dahan pokok di km229.5 Lebuhraya Utara Selatan lebih kurang pukul 11.40 malam. Ia mengalami luka-luka parah yang menyebabkannya maut di tempat kejadian.

Utusan Borneo pula melaporkan pada 30 Oktober 2020 mengenai sebuah lori yang hilang kawalan lalu melanggar dahan pokok lebih kurang pukul 11:20 pagi di km 120 kawasan Bukit Ular, Jalan Nangor Paitan, tidak jauh dari Sandakan, Sabah. Akibatnya pemandu lori itu maut di tempat kejadian.

Memotong dahan kecil dan di jalan raya yang tidak sibuk boleh dilakukan oleh siapa sahaja dan orang ini akan mendapat balasan syurga. Bagi dahan besar dan jalan yang sibuk, kerja-kerja ini memerlukan peralatan khas dan kemahiran. Oleh itu kerja orang awam ialah melaporkan dahan-dahan yang merbahaya.



Bahagian 3

Berkaitan dengan jalan raya

Hadis 33: Menyingkirkan gangguan dari jalan adalah cabang iman

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْإِيمَانُ
بِضْعٍ وَسَبْعُونَ أَوْ بِضْعٍ وَسِتُّونَ شُعْبَةً فَأَفْضَلُهَا قَوْلُ لَا إِلَهَ إِلَّا
اللَّهُ وَأَدْنَاهَا إِمَاطَةُ الْأَدَى عَنِ الطَّرِيقِ وَالْحَيَاءُ شُعْبَةٌ مِنَ الْإِيمَانِ

Maksudnya,

Dari Abu Hurairah dia berkata, "Rasulullah ﷺ bersabda, "Iman itu ada tujuh puluh tiga sampai tujuh puluh sembilan, atau enam puluh tiga sampai enam puluh sembilan cabang. Yang paling utama adalah perkataan, LAA ILAAHA ILLALLAHU (Tidak ada tuhan yang berhak disembah selain Allah). Dan yang paling rendah adalah menyingkirkan gangguan dari jalan. Dan malu itu adalah sebagian dari iman." (Muslim)

Terdapat berbagai-bagai bentuk gangguan di jalan raya. Ada yang bersifat tetap seperti jalan raya yang tidak direka bentuk dengan baik sehingga menyebabkan tempat yang selalu berlaku kemalangan. Tempat ini dikatakan titik hitam. Gangguan seperti

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

ini memerlukan kepakaran dan kemahiran dalam bidang kejuruteraan. Oleh itu berbahagianlah orang-orang yang terlibat dalam menghapuskan titik-titik hitam di jalan raya kerana kerja-kerjanya merupakan sebahagian daripada iman.

Terdapat juga gangguan yang bersifat sementara seperti terdapat bongkah kayu, dahan pokok atau pokok tumbang. Gangguan seperti ini boleh disingkirkan oleh orang awam jika keadaan selamat. Pokok tumbang pula memerlukan kerja gotong royong atau meminta pihak bertanggungjawab membersihkannya.

Lubang atau lekukan yang boleh menyebabkan air bertakung juga merupakan halangan yang berbahaya. Di jalan-jalan kapung, halangan seperti ini boleh diperbaiki oleh orang awam tetapi jika halangan seperti ini pada jalan-jalan besar, ia perlu dilaporkan kepada pihak yang bertanggungjawab.

Dalam surat khabar Berita Harian 6 Januari 2021, Polis Selangor mendedahkan bahawa terapat 223 kemalangan jalan raya di Selangor pada dari tahun 2018 hingga tahun 2020 akibat jalan berlubang. Daripada jumlah ini, 148 kemalangan melibatkan kematian.



Bahagian 3

Berkaitan dengan jalan raya

Hadis 34: Membuang menyingkirkan gangguan dari jalan raya menjauhkan dirinya dari api neraka

عَائِشَةَ تَقُولُ إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّهُ خُلِقَ كُلُّ إِنْسَانٍ مِنْ بَنِي آدَمَ عَلَى سِتِّينَ وَثَلَاثِ مِائَةِ مَفْصِلٍ فَمَنْ كَبَّرَ اللَّهَ وَحَمِدَ اللَّهَ وَهَلَّلَ اللَّهَ وَسَبَّحَ اللَّهَ وَاسْتَغْفَرَ اللَّهَ وَعَزَلَ حَجْرًا عَنْ طَرِيقِ النَّاسِ أَوْ شَوْكَةً أَوْ عَظْمًا عَنْ طَرِيقِ النَّاسِ وَأَمَرَ بِمَعْرُوفٍ أَوْ نَهَى عَنْ مُنْكَرٍ عَدَدَ تِلْكَ السِّتِّينَ وَالثَّلَاثِ مِائَةِ السُّلَامَى فَإِنَّهُ يَمْشِي يَوْمَئِذٍ وَقَدْ زَحَزَحَ نَفْسَهُ عَنِ النَّارِ

Maksudnya,

'Aisyah berkata, "Rasulullah ﷺ pernah bersabda, "Sesungguhnya setiap manusia dari anak cucu Adam terlahir dengan tiga ratus enam puluh sendi, maka siapa yang bertakbir, bertahmid, bertahlil, bertasbih serta memohon ampun Allah, menyingkirkan batu-batu, duri-duri atau tulang belulang dari jalan yang biasa dilalui oleh manusia, serta menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang mungkar sebanding

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

dengan tiga ratus enam puluh jumlah sendi, sungguh pada hari itu ia akan berjalan sedang ia telah menjauhkan dirinya dari azab api neraka." (Muslim)

Objek yang berbahaya di jalan raya boleh menyebabkan kerosakan kenderaan dan kemalangan jiwa. Dalam hadis ini Rasulullah ﷺ menyatakan tindakan membuang objek yang berbahaya di jalan raya adalah di antara amalan-amalan yang boleh menjauhkan diri seseorang dari api neraka.

Di antara objek yang paling banyak kelihatan di permukaan jalan raya hari ini ialah cebisan tayar celup. Pada 19 Jun 2021 Sinar Harian melaporkan dalam tempoh 5 bulan sahaja lebih 3000 cebisan tayar celup dikutip dari lebuh raya. Semoga Allah menjauhkan pekerja-pekerja yang memungut cebisan-cebisan tayar ini dari api neraka.

mStar telah melaporkan pada 30 Disember 2013 bahawa kemalangan di Lebuh Raya Utara Selatan akibat cebisan tayar ialah 231 kes pada tahun 2011 dan 285 kes pada tahun 2012. Purata 2 kematian berlaku setiap tahun akibat kemalangan seperti ini.



Bahagian 3

Berkaitan dengan jalan raya

Hadis 35: Membuang menyingkirkan gangguan dari jalan raya menjauhkan dirinya dari api neraka

عَنْ أَبِي ذَرٍّ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَبَسُّمُكَ فِي وَجْهِ أَخِيكَ لَكَ صَدَقَةٌ وَأَمْرُكَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهْيُكَ عَنِ الْمُنْكَرِ صَدَقَةٌ وَإِرْشَادُكَ الرَّجُلَ فِي أَرْضِ الضَّلَالِ لَكَ صَدَقَةٌ وَبَصْرُكَ لِلرَّجُلِ الرَّدِيِّءِ النَّبْصِرَ لَكَ صَدَقَةٌ وَإِمَاطَتُكَ الْحَجَرَ وَالشُّوْكَةَ وَالْعَظْمَ عَنِ الطَّرِيقِ لَكَ صَدَقَةٌ وَإِفْرَاغُكَ مِنْ دُلُوكَ فِي دَلْوٍ أَخِيكَ لَكَ صَدَقَةٌ

Maksudnya,

Dari Abu Dzarr ra berkata, "Rasulullah ﷺ bersabda, "Senyum mu kepada saudara mu merupakan sedekah, engkau berbuat makruf dan melarang dari kemungkaran juga sedekah, engkau menunjukkan jalan kepada orang yang tersesat juga sedekah, engkau menuntun orang yang berpenglihatan kabur juga sedekah, menyingkirkan batu, duri dan tulang dari jalan

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

merupakan sedekah, dan engkau menuangkan air dari baldi mu ke baldi saudara mu juga sedekah." (Hadis hasan Riwayat Tirmidzi)

Terdapat empat perkara penting yang berkaitan dengan keselamatan jalan raya dalam hadis ini. Keempat-empatnya merupakan sedekah:

- Senyum
- Menunjukkan jalan kepada orang yang tersesat
- Menuntun orang yang berpenglihatan kabur
- Menyingkirkan objek berbahaya dari jalan raya

Senyuman boleh merubah suasana yang muram menjadi ceria. Sebaliknya suasana boleh menjadi tegang dengan bermuka masam dan pandangan yang sinis. Di jalan raya yang dalam keadaan sesak, senyuman atau bermuka masam boleh menimbulkan suasana yang amat berbeza. Apabila ramai pemandu kenderaan yang marah, kemungkinan kemalangan semakin besar. Pada 10 Ogos 2019 telah terjadi kemalangan kecil dan berakhir pemandu sebuah kenderaan melanggar seorang pemandu lain. Kes ini viral dalam YouTube dan dimuatkan dalam berita-berita perdana. Mangsa yang dilanggar itu ialah Syed Muhammad Danial yang meninggal dunia akibat langgaran itu.


Mengenai menunjukkan jalan kepada orang yang tersesat, pada hari ini dengan adanya GPS masalah ini sudah berkurangan.

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

Tetapi di kawasan-kawasan terpencil atau kawasan-kawasan baru, sesat jalan mungkin sahaja terjadi dan boleh menyebabkan kemalangan kerana tersalah masuk ke jalan yang bertentangan.

Berkenaan menuntun orang yang penglihatan kabur, pada 2 Jun 2019, Australian Associated Press telah melaporkan seorang buta mati dilanggar oleh sebuah kereta ketika berjalan di tepi sebuah lebuh raya pada pukul 6.40 pagi berhampiran bandar Melbourne. Pada waktu itu ia memakai jaket dengan pemantul cahaya dan lampu berkelip. Ia juga dipandu oleh seekor anjing. Akan tetapi ia dan anjingnya telah maut dilanggar.

Berkenaan objek berbahaya di jalan raya, Astro Awani melaporkan pada 3 Mei 2019, 1178 kemalangan telah berlaku di sepanjang lebuh raya PLUS akibat terlanggar objek di permukaan jalan raya. Objek-objek ini berupa serpihan tayar, bangkai haiwan, kayu penyendal terjatuh dari lori atau barang yang terjatuh dari lori seperti tilam.



Bahagian 3

Berkaitan dengan jalan raya

Hadis 36: Menolong orang naik kenderaan, menaikkan barang dan menyingkirkan objek bahaya dari jalan raya adalah sedekah

هَذَا مَا حَدَّثَنَا أَبُو هُرَيْرَةَ عَنْ مُحَمَّدٍ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَذَكَرَ أَحَادِيثَ مِنْهَا وَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كُلُّ سُلَامَى مِنْ النَّاسِ عَلَيْهِ صَدَقَةٌ كُلَّ يَوْمٍ تَطَّلَعُ فِيهِ الشَّمْسُ قَالَ تَعْدِلُ بَيْنَ الْإِنْتَيْنِ صَدَقَةٌ وَتَعِينُ الرَّجُلَ فِي دَابَّتِهِ فَتَحْمِلُهُ عَلَيْهَا أَوْ تَرْفَعُ لَهُ عَلَيْهَا مَتَاعَهُ صَدَقَةٌ قَالَ وَالْكَلِمَةُ الطَّيِّبَةُ صَدَقَةٌ وَكُلُّ خُطْوَةٍ تَمْشِيهَا إِلَى الصَّلَاةِ صَدَقَةٌ وَتُمِيطُ الْأَذَى عَنِ الطَّرِيقِ صَدَقَةٌ

Ini adalah hadis yang telah diceritakan kepada kami oleh Abu Hurairah dari Muhammad ﷺ. Ia pun menyebutkan beberapa hadis, di antaranya adalah; dan Rasulullah ﷺ bersabda, "Setiap anggota tubuh manusia atasnya mesti ada sedekah pada setiap hari, iaitu seperti mendamaikan dua orang yang berselisih, adalah sedekah. Menolong orang yang naik kenderaan atau

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

menolong mengangkat barangnya ke atas kenderaan, itu pun termasuk sedekah. Ucapan atau tutur kata yang baik, juga sedekah. Setiap langkah yang anda ayunkan untuk menunaikan solat, juga sedekah. Dan menyingkirkan sesuatu yang membahayakan di jalan awam, adalah sedekah."

Hadis ini menerangkan bahawa setiap anggota tubuh manusia memerlukan sedekah dan di antara sedekah itu yang berkaitan dengan jalan raya ialah:

- Menolong orang menaiki kenderaan
- Menolong menaikkan barang orang ke atas kenderaan
- Menyingkirkan objek yang bahaya dari jalan awam

Ketiga-tiganya penting dalam keselamatan jalan raya.



Bahagian 3

Berkaitan dengan jalan raya

Hadis 37: Lebar jalan

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا اخْتَلَفْتُمْ فِي الطَّرِيقِ جُعِلَ عَرْضُهُ سَبْعَ أَذْرُعٍ

Maksudnya,

dari Abu Hurairah, bahwa Nabi ﷺ bersabda: "Jika kalian berselisih mengenai jalan, maka jadikanlah (lebar jalannya) menjadi tujuh hasta." (Bukhari, Muslim)

Dalam riwayat lain, hadisnya berbunyi,

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا اخْتَلَفْتُمْ فِي الطَّرِيقِ فَاجْعَلُوهُ سَبْعَ أَذْرُعٍ وَمَنْ بَنَى بِنَاءً فَلْيَدْعَمْهُ حَائِطَ جَارِهِ

Maksudnya,

Dari Ibnu 'Abbas, ia berkata; Rasulullah ﷺ bersabda, "Jika kalian berselisih masalah jalan, maka ukurlah tujuh hasta, dan barang

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

siapa membina bangunan maka hendaknya dia memberi bantuan untuk membina pagar jurannya" (Ahmad)

Lebar jalan yang standard adalah penting dari segi keselamatan jalan raya. Ketika bandar Madinah masih kecil dan tanah-tanah tidak tersusun dengan rapi. Seperti tanah-tanah di kampung hari ini masih banyak yang tidak tersusun dan tiada rizab jalan. Dalam keadaan seperti ini, Rasulullah ﷺ memerintahkan supaya mengambil 7 hasta (lebih kurang 3.5 m) untuk dijadikan rizab jalan.

Pada hari ini rizab jalan berbeza-beza dari 10 kaki hingga 132 kaki bahkan ada yang lebih besar lagi apabila permintaan lalu perjalanan lebih tinggi. Lebar jalan pula lazimnya 2 lorong atau lebih. Satu Lorong biasanya selebar 3.5 meter.

Rizab jalan dan kedudukan rizab ini sangat penting untuk keselamatan jalan raya. Bayangkan apa yang akan terjadi apabila rizab jalan yang besar tiba-tiba menjadi kecil. Bayangkan juga jika rizab jalan bersudut tajam. Rizab jalan yang mencukupi dan selekoh yang tidak tajam boleh mengurangkan kemalangan jalan raya dengan banyaknya.

Utusan Malaysia telah melaporkan pada 17 Ogos 2020 bahawa jalan persekutuan Batu Pahat Ayer Hitam adalah antara 10 lokasi yang paling banyak kemalangan maut. Sebab utamanya ialah jalan yang sempit manakala pengaliran lalu lintas amat tinggi. Oleh itu peruntukan RM 250 juta telah disediakan untuk

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

melebarkan jalan itu dari 2 lorong kepada 4 lorong serta memperbaiki selekoh-selekoh yang merbahaya.



Bahagian 3

Berkaitan dengan jalan raya

Hadis 38: Jalan lebih lebar


عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ
إِذَا اخْتَلَفُوا فِي الطَّرِيقِ رُفِعَ مِنْ بَيْنِهِمْ سَبْعَةٌ أذْرَعٍ

Maksudnya,

Dari Abu Hurairah, bahwa Rasulullah ﷺ bersabda: "Jika orang-orang bertengkar mengenai (tanah) yang ada jalan maka ambillah dari setiap mereka tujuh hasta." (Ahmad)

Dalam hadis sebelum ini, Rasulullah ﷺ menyebutkan tujuh hasta sahaja. Tapi kali ini tujuh hasta bagi setiap pemilik tanah. Boleh jadi tujuh hasta bagi tanah yang tersusun di tepi jalan dan boleh jadi juga tujuh hasta bagi setiap tanah yang bersebelahan yang menjadikannya 14 hasta.

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya



Jalan yang sempit boleh menyebabkan kemalangan terutama ketika waktu sesak. Agak sukar untuk berselisih di jalan yang lebarnya 7 hasta (3.5m). Jika lebar jalan 14 hasta (7m) kenderaan boleh berselisih dengan selesa.

Jalan sempit menambahkan risiko kemalangan. Apabila ada ssebuah kenderaan hendak membelok ke kanan, ia terpaksa berhenti menunggu kenderaan-kenderaan yang datang dari depan. Apabila ia berhenti, kenderaan-kenderaan lain dari belakangnya terpaksa menunggu. Kadang-kadang kenderaan yang datang dari belakang bergerak laju dan tidak sempat berhenti lalu melanggar kenderaan yang sedang berhenti itu. Itulah yang terjadi kepada sepasang suami isteri seperti yang disiarkan oleh Utusan Malaysia pada 6 Januari 2021. Mt Kassim Mt Isa, 61 tahun dari Kampung Pantai Perai bersama isterinya, Azizah Mohamed, 57 tahun sedang berhenti di tengah jalan untuk membelok ke kanan di kilometer 65.5 Jalan Alor Star Butterworth. Tiba-tiba sebuah kereta Produa Kembara datang dari belakang tidak sempat berhenti lalu melanggar mereka. Mereka tercampak ke laluan bertentangan lalu dilanggar pula oleh kereta Toyota Vios dan Proton Iswara. Si suami meninggal

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

di tempat kejadian manakala isterinya meninggal di hospital lebih kurang 2 jam kemudian.



Bahagian 3

Berkaitan dengan jalan raya

Hadis 39: Angin Kencang

أَنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ قَالَ أَخَذَتِ النَّاسَ رِيحٌ بِطَرِيقِ مَكَّةَ وَعُمَرُ بْنُ
الْخَطَّابِ حَاجٌّ فَاشْتَدَّتْ عَلَيْهِمْ فَقَالَ عُمَرُ لِمَنْ حَوْلَهُ مَنْ يُحَدِّثُنَا
عَنِ الرِّيحِ فَلَمْ يُرْجِعُوا إِلَيْهِ شَيْئًا فَبَلَغَنِي الَّذِي سَأَلَ عَنْهُ عُمَرُ مِنْ
ذَلِكَ فَاسْتَحْتَنْتُ رَاحِلَتِي حَتَّى أَدْرَكْتُهُ فَقُلْتُ يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ
أَخْبَرْتُ أَنَّكَ سَأَلْتَ عَنِ الرِّيحِ وَإِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ الرِّيحُ مِنَ رَوْحِ اللَّهِ تَأْتِي بِالرَّحْمَةِ وَتَأْتِي
بِالْعَذَابِ فَإِذَا رَأَيْتُمُوهَا فَلَا تَسُبُّوهَا وَسَلُّوا اللَّهَ حَيْرَهَا وَاسْتَعِيدُوا
بِهِ مِنْ شَرِّهَا

Maksudnya,

Bahwa Abu Hurairah berkata, "Di jalanan Makkah angin kencang menerpa orang-orang, sedang waktu itu Umar bin Al-Khaththab sedang melakukan haji, angin itu begitu kencang menerpa mereka, maka Umar pun berkata kepada orang-orang yang ada di sekelilingnya: "Siapa yang boleh membacakan hadis kepada kami tentang angin?" Tetapi tidak ada seorang pun yang boleh membacakan hadis tersebut, hingga akhirnya ada seorang yang menyampaikan kepada ku perihal hadis yang ditanyakan oleh

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

Umar tersebut. Kemudian aku mempercepat langkah unta ku sehingga aku dapat mengejanya, lalu aku berkata; "Wahai Amirul Mukminin, aku telah mendapatkan berita bahwa engkau bertanya tentang hadis yang berkenaan dengan angin, dan sungguh aku pernah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda, "Sesungguhnya angin itu dari rahmat Allah, kadang ia membawa rahmat dan kadang membawa bencana, jika kalian melihatnya maka janganlah kalian mencelanya, tapi mintalah kepada Allah dari kebaikannya dan berlindunglah kepada-Nya dari keburukannya."" (Ahmad)

Angin lintang adalah antara penyebab berlakunya kemalangan jalan raya. Kenderaan yang bergerak laju apabila diterpa angin lintang yang kuat boleh terbabas. Jambatan Pulau Pinang merupakan kawasan yang terbuka dan selalu mengalami terpaan angin lintang. Siapa yang selalu berulang-alik di jambatan itu mesti pernah merasa dorongan angin. Banyak terjadi kemalangan di jambatan itu. Di antaranya ialah yang dilaporkan oleh Berita Harian pada 20 Januari 2019. Ia melibatkan dua buah kereta. Salah sebuah kereta itu ialah Toyota Vios dan pemandunya mengalami cedera ringan. Kereta yang satu lagi terjun ke laut dan ketika berita disiarkan, pemandunya masih belum dijumpai.

Bahagian 3

Berkaitan dengan jalan raya

Hadis 40: Hujan

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ أَنَّ رَجُلًا دَخَلَ الْمَسْجِدَ يَوْمَ جُمُعَةٍ مِنْ بَابٍ
كَانَ نَحْوَ دَارِ الْقَضَاءِ وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَائِمٌ
يَخْطُبُ فَاسْتَقْبَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَائِمًا ثُمَّ قَالَ يَا
رَسُولَ اللَّهِ هَلَكْتَ الْأَمْوَالُ وَانْقَطَعَتِ السُّبُلُ فَادْعُ اللَّهَ يُغَيِّبْنَا فَرَفَعَ
رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدَيْهِ ثُمَّ قَالَ اللَّهُمَّ اغْنِنَا اللَّهُمَّ
أَغْنِنَا اللَّهُمَّ اغْنِنَا قَالَ أَنَسٌ وَلَا وَاللَّهِ مَا نَرَى فِي السَّمَاءِ مِنْ
سَحَابٍ وَلَا قَرَعَةٍ وَمَا بَيْنَنَا وَبَيْنَ سَلْعٍ مِنْ بَيْتٍ وَلَا دَارٍ قَالَ
فَطَلَعَتْ مِنْ وَرَائِهِ سَحَابَةٌ مِثْلُ التُّرْسِ فَلَمَّا تَوَسَّطَتْ السَّمَاءَ
انْتَشَرَتْ ثُمَّ أَمْطَرَتْ فَلَا وَاللَّهِ مَا رَأَيْنَا الشَّمْسَ سِتًّا ثُمَّ دَخَلَ رَجُلٌ
مِنْ ذَلِكَ الْبَابِ فِي الْجُمُعَةِ وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَائِمٌ
يَخْطُبُ فَاسْتَقْبَلَهُ قَائِمًا فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ هَلَكْتَ الْأَمْوَالُ
وَانْقَطَعَتِ السُّبُلُ فَادْعُ اللَّهَ يُمَسِّكُهَا عَنَّا قَالَ فَرَفَعَ رَسُولُ اللَّهِ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدَيْهِ ثُمَّ قَالَ اللَّهُمَّ حَوِّالَيْنَا وَلَا عَلَيْنَا اللَّهُمَّ
عَلَى الْأَكَامِ وَالظُّرَابِ وَبُطُونِ الْأُودِيَةِ وَمَنَايِبِ الشَّجَرِ قَالَ
فَأَقْلَعَتْ وَحَرَجْنَا نَمْشِي فِي الشَّمْسِ

Maksudnya,

Dari Anas bin Malik bahwa ada seorang memasuki masjid pada hari Jumaat dari pintu yang menghadap Darul Qadla' (rumah 'Umar bin Al Khaththab). Saat itu Rasulullah ﷺ sedang berdiri menyampaikan khutbah, orang itu lalu berdiri menghadap Rasulullah seraya berkata, "Wahai Rasulullah, harta benda telah habis dan jalan-jalan terputus. Maka mintalah kepada Allah agar menurunkan hujan buat kami!" Anas bin Malik berkata, "Maka Rasulullah ﷺ mengangkat kedua tangannya seraya berdoa: "Ya Allah berilah kami hujan, Ya Allah berilah kami hujan, Ya Allah berilah kami hujan." Anas bin Malik melanjutkan, "Demi Allah, sebelum itu kami tidak melihat sedikit pun awan baik yang tebal atau yang tipis. Juga tidak ada antara tempat kami dan bukit itu rumah atau bangunan satu pun. Tiba-tiba dari bukit itu tampaklah awan bagaikan perisai. Ketika sudah membumbung sampai ke tengah langit, awan itu pun menyebar lalu turunlah hujan." Anas bin Malik berkata, "Demi Allah, sungguh kami tidak melihat matahari selama enam hari. Kemudian pada Jumaat berikutnya, ada seorang laki-laki masuk kembali dari pintu yang sama sementara Rasulullah ﷺ sedang berdiri menyampaikan khutbahnya. Orang itu lalu berdiri menghadap beliau seraya berkata, "Wahai Rasulullah, harta benda telah binasa dan jalan-jalan pun terputus. Maka mintalah kepada Allah agar menahan hujan dari kami!" Maka Rasulullah ﷺ pun mengangkat kedua tangannya seraya berdoa: "Ya Allah turunkanlah hujan di sekeliling kami sahaja dan jangan membahayakan kami. Ya Allah turunkanlah di atas bukit-bukit, dataran tinggi, jurang-jurang yang dalam serta pada tempat-tempat tumbuhnya pokok-

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

pokok." Anas bin Malik berkata, "Maka hujan pun berhenti. Lalu kami keluar berjalan-jalan di bawah sinar matahari." (Bukhari)

Hujan, terutama yang lebat, boleh membahayakan lalu lintas. Permukaan jalan raya menjadi licin dan kewujudan lapisan air di permukaan jalan boleh menyebabkan tayar kenderaan tidak bersentuh dengan permukaan jalan. Perkara seperti ini boleh menyebabkan kenderaan terbabas. Hujan lebat pula akan menyebabkan jarak pandangan menjadi sangat pendek. Jika terjadi sesuatu di hadapan, pemandu kenderaan tidak sempat bertindak balas. Mungkin kita tidak melanggar kenderaan lain tetapi kenderaan lain mungkin melanggar kita. Dalam keadaan seperti ini, bolehlah berdoa seperti Rasulullah ﷺ berdoa di dalam hadis di atas.

Pada 12 Mei 2021, Sinar Harian menyiarkan berita kemalangan yang berlaku di km 384 Lebuh raya Pantai Timur 2 yang berlaku ketika hujan lebat. Nahas itu berlaku pada pukul lebih kurang 5.22 petang selepas sebuah kereta terlanggar aliran air hujan yang mengakibatkan ia hilang kawalan lalu melanggar belakang sebuah lori tunda. Pemandu kereta itu cedera parah manakala kawannya menemui ajal di tempat kejadian. Pemandu lori dan penumpangnya cedera ringan.

Apabila hujan lebat, banjir kilat boleh berlaku yang boleh menenggelamkan kenderaan dan bahkan boleh menghanyutkan apa sahaja, termasuk kenderaan berat. Keadaan ini memang amat bahaya. Tiada siapa yang boleh menyelamatkan keadaan

Hadis 40 berkenaan keselamatan jalan raya

seperti ini melainkan Allah. Oleh itu berdoa adalah amat penting Ketika hujan lebat berlaku. Bernama pada 4 Mei 2017 telah menyiarkan sebuah kereta yang dinaiki oleh dua orang Wanita telah dihanyutkan air deras akibat banjir kilat di Kampung Ulu Bendul. Mereka berdua bernasib baik kerana dapat diselamatkan oleh anggota bomba. Tetapi dalam kejadian yang berlaku di Tawau seorang Wanita maut akibat kenderaan mereka dilanda banjir kilat manakala suami dan anaknya selamat. Pada masa itu mereka menaiki kenderaan pacuan empat roda sedang menuruni bukit. Tiba-tiba kepala air datang menerpa dan menghanyutkan kenderaan mereka. Peristiwa ini disiarkan oleh Berita Harian pada 31 Ogos 2017.





Malaysia
Kuala Lumpur
Kuala Lumpur

Hadis 40 Berkenaan
Keselamatan Jalan Raya

ISBN 978-629-95226-2-1



9 786299 152262 1

Masjid Bandar Seri Putra
(paperback)